# Laporan Kestabilan Kewangan

## Penilaian Risiko Sistem Kewangan


11 Gambaran Keseluruhan
12 Perkembangan Makroekonomi dan Kewangan Global
13 Perkembangan Makroekonomi dan Kewangan Domestik
19 Sektor Bukan Kewangan
29 Sektor Kewangan
*37* *Rencana: Penanggung Insurans Hayat: Strategi-strategi dalam Persekitaran Kadar Faedah yang Rendah*
*43* *Rencana: Kepelbagaian dan Kestabilan Struktur Pendanaan Sistem Perbankan Malaysia*
48 Prospek Kestabilan Sistem Kewangan dan Fokus Pengawasan pada Tahun 2010
*52* *Rencana: Pendekatan Kehematan Makro untuk Pemantauan dan Pengawalseliaan Kewangan di Malaysia*

# Penilaian Risiko Sistem Kewangan

**Gambaran keseluruhan**

Sistem kewangan Malaysia memaparkan daya tahan yang mantap meskipun krisis kewangan global menjejaskan ekonomi global, termasuk Malaysia yang mencatat kemerosotan ekonomi sebanyak 1.7%. Ancaman terhadap kestabilan kewangan berjaya dikenalpasti pada peringkat awal dan dibendung dengan berkesan melalui gerak balas dasar awal yang diselaras. Kestabilan sistem kewangan Malaysia justeru itu dapat dipertahankan, walaupun dalam keadaan ekonomi yang sukar dan ketaktentuan pasaran yang meningkat pada separuh pertama tahun 2009. Keteguhan dan keupayaan sistem kewangan Malaysia untuk bertahan dan bertindak terhadap keadaan yang mencabar telah diuji sewaktu sistem kewangan bersiap sedia menghadapi potensi delinkuensi yang menular dan ketidakstabilan pasaran yang berterusan. Institusi-institusi kewangan Malaysia yang sudah bersedia menguruskan tekanan yang makin meruncing ini dan diperkukuh pula oleh langkah berjaga-jaga yang diambil oleh Kerajaan dan Bank Negara Malaysia. Semua ini memainkan peranan penting dalam membolehkan sistem kewangan Malaysia muncul lebih kukuh dan mantap berlatarkan cabaran-cabaran ini. Pasaran kewangan dalam negeri masih teratur walaupun mengalami keadaan turun naik dan penghindaran risiko yang meningkat pada tempoh permulaan tahun. Berbekalkan keteguhan asas dan tahap mudah tunai yang lebih daripada mencukupi dalam sistem kewangan dalam negeri, sistem kewangan mampu terus menyediakan perkhidmatan pengantaraan kewangan, pembayaran dan penyelesaian, perlindungan terhadap risiko dan perkhidmatan kewangan penting lain kepada ekonomi secara berkesan dan cekap. Kedudukan kewangan agregat sektor isi rumah dan perniagaan di Malaysia yang kukuh telah memantapkan keupayaan, fleksibiliti dan penampan untuk disesuaikan dengan keadaan perniagaan dan pekerjaan yang lebih mencabar, dan pada masa yang sama menyumbang ke arah kestabilan sistem kewangan yang lebih teguh secara keseluruhannya pada tahun 2009.

Institusi dan sistem kewangan secara keseluruhannya berjaya menghadapi krisis kewangan dan ekonomi global serta risiko-risiko lain lantaran asas-asas sektor kewangan Malaysia yang diperkukuh, disokong pula oleh penampan kewangan yang teguh dan penambahbaikan secara berperingkat kepada infrastruktur pengurusan risiko dan keupayaan teknikal selama ini. Cabaran yang dialami termasuk kebimbangan terhadap peningkatan dan tahap hutang sektor awam yang tinggi dan kenaikan harga aset dan ketidakseimbangan kewangan dalam beberapa ekonomi, serta keadaan mudah tunai yang berlebihan dalam sistem kewangan antarabangsa. Beberapa ekonomi telah memperkenalkan langkah-langkah kehematan makro untuk menguruskan aliran masuk modal, terutamanya ke dalam pasaran ekuiti dan harta tanah. Dalam sistem kewangan domestik, tahap permodalan sektor kewangan makin kukuh kerana institusi-institusi secara proaktif, telah meningkatkan tahap dan kualiti penampan modal sebelum kemelut krisis kewangan dan ekonomi dunia bertambah buruk.

Tahap delinkuensi pinjaman keseluruhan terus menurun pada tahun 2009, bertentangan dengan jangkaan awal, dan meskipun wujudnya tekanan ketara ke atas sesetengah segmen peminjam pada separuh pertama tahun 2009. Bank-bank Malaysia terus membekalkan jumlah kredit yang diperlukan oleh ekonomi pada kos yang berpatutan. Ini amat penting kerana aktiviti pengantaraan kewangan yang berfungsi dengan teratur merupakan unsur penting dalam menyokong aktiviti ekonomi. Berbekalkan pengajaran yang diraih daripada krisis kewangan Asia lebih daripada sedekad yang lalu, sumber khusus telah diperuntukkan oleh bank-bank untuk berinteraksi dengan lebih pantas dan proaktif dengan para peminjam mereka. Gerak balas sebegini membolehkan tindakan wajar diambil untuk memberikan kelegaan kepada peminjam yang dibelenggu beban kewangan yang lebih berat dalam persekitaran yang mencabar. Langkah ini membuka jalan bagi kemudahan pembayaran balik yang lebih fleksibel, lantas membolehkan peminjam memberi tumpuan kepada menguruskan operasi perniagaan tanpa perlu terlalu bimbang tentang kemungkinan bank memotong kemudahan kredit atau dengan serta-merta menuntut pembayaran balik hutang dengan sepenuhnya. Disertai piawaian pengunderaitan yang lebih berhemat, amalan pengurusan risiko yang lebih canggih dan pemberian pinjaman yang lebih bertanggungjawab, usaha ini juga telah

dapat mengekalkan kualiti portfolio pinjaman bank-bank.

Kesalinghubungan lebih rapat antara ekonomi dan sistem kewangan Malaysia dengan negara-negara di rantau ini dan global akan terus memberi cabaran dalam usaha mengekalkan kestabilan kewangan di dalam negeri. Meskipun keadaan ekonomi dan kewangan global telah banyak pulih dalam separuh kedua tahun 2009, ketidakpastian sama ada pemulihan ini dapat kekal bertahan masih berterusan. Tahap kesediaan sistem kewangan Malaysia untuk menangani risiko-risiko ini perlu dipertingkatkan secara berterusan pada masa hadapan.

## Kestabilan kewangan dalam negeri di Malaysia berjaya dikekalkan berlatarkan persekitaran kendalian yang lebih mencabar. Sistem kewangan terus menyediakan perkhidmatan pengantaraan kewangan, pembayaran dan penyelesaian, dan perlindungan terhadap risiko kepada ekonomi secara amnya

**Perkembangan ekonomi makro dan kewangan global**

Keadaan ekonomi dan kewangan antarabangsa merosot dengan ketara pada suku pertama tahun 2009. Sebilangan besar ekonomi mengalami penurunan ketara dalam KDNK benar, mengakibatkan penguncupan paling serius dalam ekonomi global sejak Perang Dunia Kedua. Berikutan itu, permintaan sektor swasta dalam ekonomi maju turun mendadak, ekoran pengurangan penggunaan oleh isi rumah, dan pengurangan aktiviti pengeluaran dan pelaburan oleh sektor perniagaan. Penguncupan permintaan dari ekonomi maju mengakibatkan keruntuhan dagangan global dan menjejaskan ekonomi serantau, melalui penyusutan eksport dan pengeluaran.

Sebagai tindak balas terhadap kemelesetan ekonomi, kerajaan-kerajaan dan bank-bank pusat di seluruh dunia melaksanakan langkah monetari dan fiskal yang belum pernah dilaksanakan sebelum ini bagi memulihkan kestabilan dalam sistem kewangan dan menyokong ekonomi benar. Hasilnya, keadaan ekonomi dan kewangan mula stabil dan negara-negara mula beransur-ansur pulih daripada kemelesetan pada separuh kedua tahun 2009. Meskipun gerak balas dasar yang luar biasa berjaya membantu menstabilkan pasaran kewangan dan menghalang aktiviti ekonomi daripada terus menjunam, pemulihan ekonomi masih lemah dan tidak sekata. Pertumbuhan yang dialami oleh kebanyakan negara banyak bersandar kepada sokongan dasar. Dalam ekonomi-ekonomi maju, keadaan pasaran guna tenaga yang lemah dan sistem kewangan yang rapuh terus menjejaskan permintaan dalam negeri. Seiring dengan pemulihan global yang beransur-ansur dan kenaikan harga komoditi yang mantap, tekanan deflasi menjadi reda dan harga pengguna di sebahagian besar negara mula meningkat sedikit. Walau bagaimanapun, harga ekuiti dan harta tanah yang meningkat dalam beberapa ekonomi telah membangkitkan kebimbangan terhadap potensi inflasi harga aset.

Ketidakpastian tentang tahap dan tempoh penguncupan ekonomi mengakibatkan pasaran ekuiti global menjunam. Indeks Modal Morgan Stanley (Morgan Stanley Capital Index, MSCI) Dunia dan Asia (tidak termasuk Jepun) masing-masing turun sebanyak 18.4% dan 12.1% dalam dua bulan pertama tahun 2009. Dalam pasaran kredit, kadar bagi Swap Mungkir Kredit (Credit Default Swap, CDS) naik mendadak, terutamanya bagi kertas gred bukan pelaburan atas kebimbangan mengenai kemungkiran yang meningkat (Rajah 1.1). Spread antara LIBOR dengan swap indeks semalaman (Overnight Index Swap, OIS) bagi dolar AS mengecil sebanyak 23.8 mata asas pada suku pertama tahun 2009, berikutan keadaan dalam pasaran antara bank yang pulih sedikit dibantu oleh pelbagai langkah sokongan mudah tunai dan jaminan kerajaan (Rajah 1.2). Namun, tahapnya masih lagi lebih tinggi berbanding dengan tahap yang dicatat sebelum krisis, membuktikan bahawa premium risiko ke atas bank-bank belum pulih seperti biasa.

Pada suku kedua tahun 2009, sentimen pasaran makin positif ekoran penunjuk-penunjuk ekonomi makro dan perolehan korporat yang diumumkan lebih baik daripada jangkaan. Ini telah menyumbang kepada prestasi menaik dalam pasaran ekuiti. Menjelang akhir bulan Jun 2009,

**Rajah 1.1**
**Indeks Swap Mungkir Kredit[1]**




[1] Indeks bagi tempoh matang 5-tahun

Sumber: Reuters

trend kerugian dari suku pertama tahun 2009 berjaya diatasi dengan sepenuhnya. Namun, pada suku ketiga, kebimbangan bahawa peningkatan pada suku kedua menjangkaui prospek pemulihan ekonomi telah memperlahankan kadar kenaikan dalam pasaran ekuiti global. Tanda-tanda pemulihan ekonomi yang lebih kukuh mula muncul pada suku terakhir tahun 2009, apabila sesetengah ekonomi telah mencatat pertumbuhan positif. Walau bagaimanapun, pasaran terus dibelenggu ketidakpastian mengenai kebarangkalian langkah-langkah monetari, fiskal dan langkah dasar luar biasa lain yang diperkenalkan semasa krisis kewangan global akan dihentikan. Dalam pasaran kredit, kos perlindungan bagi kemungkiran bon reda setelah peristiwa kemungkiran didapati lebih rendah daripada yang dijangka pada mulanya. Sementara

**Rajah 1.2**
**Perbezaan LIBOR 3-bulan dan Swap Indeks Semalaman (OIS) 3-bulan**




Sumber: Bloomberg

itu, keadaan dalam pasaran antara bank terus pulih, dengan spread antara LIBOR dengan OIS kembali pada tahap sebelum krisis.

Dalam pasaran sedang pesat membangun, prospek pemulihan ekonomi yang lebih kukuh mengakibatkan aliran masuk modal melonjak dalam ekonomi ini, lalu menyebabkan pasaran ekuiti naik mendadak. Indeks Pasaran Pesat Membangun MSCI meningkat sebanyak 74.1% pada tahun 2009, jauh melampaui prestasi pasaran maju. Dalam usaha membendung tekanan terhadap gelembung harga aset, sesetengah ekonomi pesat membangun telah memperkenalkan atau mengumumkan kesediaan untuk melaksanakan langkah-langkah untuk menguruskan aliran modal dan mengurangkan turun naik dalam pasaran masing-masing, jika perlu.

Di sepanjang tahun 2009, peningkatan dalam terbitan bon kerajaan untuk membiayai defisit fiskal ekoran pengumuman pakej rangsangan ekonomi dan pakej menyelamat sektor kewangan yang besar mengenakan tekanan yang meruncing ke atas kadar hasil bon kerajaan, terutamanya kertas dengan tempoh matang yang lebih panjang. Kadar hasil bon kerajaan 10-tahun di Amerika Syarikat dan rantau Euro masing-masing meningkat sebanyak 162.5 mata asas dan 43.6 mata asas manakala kadar hasil bon kerajaan di Asia (kecuali Jepun), secara am, meningkat antara 14 mata asas hingga 232.7 mata asas pada tahun 2009. Penurunan taraf sesetengah bon kerajaan asing pada tahun 2009 berikutan kebimbangan tentang kemerosotan kedudukan fiskal turut menyumbang kepada tekanan yang meningkat ke atas kadar hasil bon kerajaan.

## Perkembangan makroekonomi dan kewangan domestik

Kesan daripada kemelesetan ekonomi global, ekonomi Malaysia merosot sebanyak 6.2% pada suku pertama tahun 2009. Eksport dan pengeluaran perindustrian mencatat penurunan dua digit akibat terjejas dengan ketara oleh kejatuhan permintaan luar. Berlatarkan penguncupan ini, pekerjaan, pendapatan dan sentimen perniagaan dan pengguna keseluruhan merosot, memandangkan tahap keterbukaan ekonomi negara yang tinggi. Ekonomi mula stabil pada suku kedua tahun dan kian bertambah baik pada separuh kedua tahun 2009, meraih manfaat daripada

pelaksanaan rangsangan fiskal yang dipercepat, kadar faedah yang lebih rendah dan langkah-langkah komprehensif untuk memastikan akses berterusan kepada pembiayaan.

Pemulihan ekonomi dalam separuh kedua tahun 2009 disokong selanjutnya oleh peningkatan beransur-ansur dalam ekonomi global, khususnya ekonomi serantau. Akibat daripada permintaan dalam negeri dan luar negeri yang diperkukuh, ekonomi Malaysia pulih dan berjaya mencatat pertumbuhan positif sebanyak 4.5% pada suku keempat tahun 2009. Dari segi bekalan, kemerosotan mendadak dalam pertumbuhan ekonomi pada suku pertama tahun 2009 sebahagian besarnya berpunca daripada penguncupan ketara dalam sektor perkilangan, khususnya industri berorientasikan eksport. Sektor-sektor lain, kecuali sektor pembinaan, turut mencatat pertumbuhan negatif pada suku pertama tahun 2009. Meskipun pertumbuhan positif dalam sektor pembinaan sepanjang tahun sebahagian besarnya didorong oleh pelaksanaan projek berkaitan pembinaan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9) dan pakej rangsangan fiskal, peningkatan beransur-ansur dalam pertumbuhan sektor perkhidmatan sejak suku kedua tahun 2009 juga didorong oleh peningkatan dalam permintaan dalam negeri. Seiring dengan pemulihan dalam permintaan luar, sektor perkilangan pulih untuk mencatat pertumbuhan positif pada suku keempat.

Inflasi berpurata 0.6% pada tahun 2009 (2008: 5.4%). Tekanan inflasi di Malaysia berkurang, sejajar dengan penurunan harga bahan api dan komoditi dunia dan inflasi lebih rendah yang dialami rakan dagangan utama Malaysia. Penurunan kumulatif harga runcit petrol dalam negeri pada separuh kedua tahun 2008 menyumbang dengan ketara kepada trend inflasi dalam negeri yang kian sederhana pada tahun 2009. Kedudukan luaran Malaysia terus kukuh pada tahun 2009 meskipun persekitaran luaran amat lemah. Imbangan pembayaran keseluruhan mencatat lebihan pada tahun 2009, disokong oleh lebihan dalam akaun semasa, yang lebih daripada memadai untuk mengimbangi aliran keluar bersih dalam akaun kewangan.

***Keadaan pasaran kewangan keseluruhannya bertambah baik dan mempamerkan daya tahan***

Pasaran kewangan domestik terus berperanan memudahkan pengantaraan kewangan yang teratur pada tahun 2009, disokong oleh mudah tunai yang lebih daripada mencukupi dan keyakinan pasaran yang makin kukuh. Penghindaran risiko terus meningkat dalam pasaran kewangan pada awal tahun 2009, namun mudah tunai dagangan dalam pasaran ekuiti dan bon korporat ketara bertambah baik dari suku kedua tahun 2009 dan seterusnya, lantaran pengumuman tentang perolehan korporat yang bertambah baik dan tanda-tanda bahawa kadar kemerosotan ekonomi global tidak seteruk seperti yang dijangka sebelumnya. Prospek pemulihan yang kian memberangsangkan dalam sektor benar menghasilkan peningkatan dalam kesanggupan mengambil risiko dan sentimen lebih optimis. Hasilnya, aktiviti pasaran utama meningkat dengan ketara dalam separuh kedua tahun 2009. Lantaran asas-asas domestik yang kukuh, kos mendapatkan mudah tunai jangka pendek dalam pasaran ringgit antara bank terus menuruti kadar-kadar dasar sepanjang tahun 2009 kerana pasaran wang ringgit terus berfungsi dengan lancar berlatarkan mudah tunai yang mencukupi.

Harga ekuiti masih mengalami turun naik pada suku pertama 2009 disebabkan penghindaran risiko yang berlarutan dan perkembangan faktor luaran yang membimbangkan. Indeks Komposit Kuala Lumpur FTSE Bursa Malaysia (FBM KLCI) menjunam kepada 838.4 mata pada bulan Mac 2009 daripada 876.8 mata pada permulaan tahun 2009. Pasaran ekuiti terbukti lebih berdaya tahan berbanding dengan penurunan pada masa lampau, mencerminkan pasaran yang lebih dalam dan lebih cair (Rajah 1.3). Keyakinan pelabur kembali positif pada suku kedua apabila pasaran mula meraih manfaat daripada pakej rangsangan berjumlah RM67

**Rajah 1.3**
**FBM KLCI Sewaktu Krisis**




Penurunan kumulatif dari puncak ke pemulihan semula pasaran.
Puncak-puncak terdahulu: Krisis kewangan Asia = 28 Februari 1997; Peletusan gelembung teknologi = 31 Mac 2000; Krisis kewangan global = 11 Januari 2008

Sumber: Bloomberg dan pengiraan dalaman

**Rajah 1.4**
**Prestasi Pasaran Ekuiti Global**




Sumber: Bloomberg dan pengiraan dalaman

bilion dan langkah-langkah yang dilaksanakan untuk meliberalkan sektor perkhidmatan kewangan. Usaha ini turut diperkukuh oleh pandangan ekonomi serantau yang lebih positif dan dasar Kerajaan yang pro-pertumbuhan.

Trend menaik dalam FBM KLCI pada separuh kedua tahun 2009 disokong oleh pemulihan dalam beberapa sektor ekonomi, iaitu perladangan, yang didorong oleh harga minyak mentah dan minyak sawit mentah yang lebih tinggi, serta sektor kewangan dan hartanah. Indeks sektor bagi kaunter perladangan, kewangan dan hartanah meningkat lebih 50% pada tahun 2009. Pemulihan dalam indeks bagi sektor pembinaan melebihi 35% pada tahun 2009. Berlatarkan pemulihan secara meluas dalam pasaran ekuiti bagi semua sektor ekonomi, FBM KLCI, meskipun meningkat pada kadar lebih perlahan berbanding dengan pasaran ekuiti ekonomi sedang pesat membangun yang lain, menutup tirai tahun 2009 pada 1,272.8

**Rajah 1.5**
**Turun Naik Pasaran Ekuiti Global**




Sumber: Bloomberg

**Rajah 1.6**
**Nisbah Pusing Ganti[1] FBM KLCI**




[1] Nisbah pusing ganti: Nisbah nilai pusing ganti kepada permodalan pasaran

Sumber: Bloomberg dan pengiraan dalaman

mata, mencatat pertambahan sebanyak 45.2% sepanjang tahun (Rajah 1.4). Oleh itu, turun naik (volatility) pasaran berbalik kepada tahap prakrisis, mengakhiri tahun pada 7.3%, iaitu tahap yang dilihat pada bulan Disember 2006 (Rajah 1.5).

Mudah tunai dagangan dalam pasaran ekuiti secara purata lebih tinggi berbanding dengan tahun 2008. Spread bida-tawar makin mengecil pada purata 93 mata asas pada tahun 2009 berbanding dengan 113 mata asas pada tahun 2008 manakala nisbah pusing ganti mingguan purata FBM KLCI kekal pada 0.6% daripada jumlah permodalan pasaran (2008: 0.8%) (Rajah 1.6). Meskipun lonjakan dalam aktiviti pembelian kepentingan dan pelaburan strategik oleh pelabur keinstitusian memacu pasaran ekuiti dalam negeri, aktiviti dagangan kian lembap pada separuh kedua tahun 2009 apabila penilaian meningkat, dibuktikan oleh penggandaan nisbah harga-perolehan dalam FBM KLCI (2009: 22.4; 2008: 12.2). Melangkah ke hadapan, prestasi dalam pasaran ekuiti domestik dijangka pulih apabila pelabur keinstitusian dengan pandangan pelaburan jangka panjang dan pelabur asing strategik terus memberi sokongan kepada pasaran. Langkah-langkah yang diambil untuk menggalakkan pengurangan beransur-ansur pemegangan keinstitusian berkaitan Kerajaan secara berperingkat juga mampu menyokong mudah tunai dalam pasaran.

Sentimen dalam pasaran sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) masih suram pada awal tahun 2009 berikutan kejatuhan Lehman Brothers Inc. (Lehman) yang berlaku pada tahun 2008. Risiko kredit merupakan kebimbangan utama pada awal tahun kerana syarikat dalam negeri melaporkan perolehan

**Rajah 1.7**
**Spread antara Sekuriti Hutang Swasta Bertaraf AAA dengan Sekuriti Kerajaan Malaysia**




Sumber: Bloomberg dan pengiraan dalaman

**Rajah 1.9**
**Nisbah Pusing Ganti[1] Sekuriti Hutang Swasta (mengikut jenis prinsip)**




[1] Nisbah pusing ganti: Nisbah jumlah dagangan kepada jumlah terkumpul

Sumber: Bank Negara Malaysia dan pengiraan dalaman

lebih rendah. Penarafan negatif lebih tinggi berbanding dengan penarafan positif, dengan nisbah penurunan berbanding dengan kenaikan sebanyak 18 kali pada separuh pertama tahun 2009, jauh melebihi tahap yang dialami semasa krisis kewangan Asia. Spread kredit kian sederhana sejak bulan Februari 2009 tetapi masih tinggi merentas semua segmen penarafan (Rajah 1.7 dan Rajah 1.8). Mudah tunai dagangan juga kekal rendah lantaran minat yang berkurang dan penghindaran risiko kredit yang meningkat.

Aktiviti dalam pasaran PDS pulih pada separuh kedua tahun 2009. Meskipun masih lebih rendah daripada tahap yang dicatat pada awal tahun 2008, mudah tunai dagangan meningkat merentas semua kategori penarafan dan merentas kedua-dua PDS konvensional dan Islam lantaran penghindaran risiko yang berkurangan (Rajah 1.9 dan Rajah 1.10). Spread kredit menurun daripada tahap tertinggi dalam sejarah yang dicatat pada awal tahun 2009 terutamanya bagi kertas bermutu tinggi. Memandangkan prospek ekonomi yang makin cerah, diiringi pandangan risiko kredit yang memberangsangkan, nisbah penurunan berbanding dengan kenaikan turun ketara kepada 3.5 kali (tidak termasuk semakan semula dalam penarafan bagi PDS yang dijamin oleh

**Rajah 1.8**
**Spread antara Sekuriti Hutang Swasta Bertaraf A dengan Sekuriti Kerajaan Malaysia**




Sumber: Bloomberg dan pengiraan dalaman

**Rajah 1.10**
**Nisbah Pusing Ganti Sekuriti Hutang Swasta (mengikut profil kredit)**




Sumber: Bond Pricing Agency Malaysia dan pengiraan dalaman

bank) menjelang akhir tahun 2009. Namun, spread bagi PDS dengan penarafan lebih rendah, masih lebih tinggi berbanding dengan spread sebelum kejatuhan Lehman disebabkan kebimbangan risiko kredit yang berterusan dan kesanggupan mengambil risiko yang berkurang bagi segmen kredit ini. Sementara itu, 12 penerbit dengan PDS terkumpul sebanyak RM1.1 bilion mungkir pada tahun 2009, merangkum hanya 0.5% daripada PDS terkumpul dalam pasaran. Kebimbangan tentang risiko keadaan kewangan Dubai dan Greece pada akhir tahun 2009 mempunyai kesan terbatas ke atas pasaran bon dalam negeri lantaran dedahan kecil syarikat dan institusi kewangan Malaysia terhadap kedua-dua ekonomi tersebut.

Pasaran bon kerajaan secara amnya kekal berdaya tahan meskipun ada kebimbangan terhadap pertambahan peminjaman kerajaan dan tanggapan negatif tentang kenaikan meluas dalam risiko berdaulat secara global. Turun naik purata bagi Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) meningkat kepada 22.2% (2008: 15.6%) lantaran kenaikan mendadak terbitan bon kerajaan untuk membiayai sokongan fiskal (Rajah 1.11). Kadar hasil meningkat pada suku pertama tahun 2009 meskipun Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) menurun sebanyak 125 mata asas sepanjang tempoh yang sama. Ini mengakibatkan spread purata antara kadar hasil MGS indikatif 3-tahun dengan OPR makin melebar kepada 75.3 mata asas (2008: 15.1 mata asas). Spread kekal tinggi dan malah meningkat lagi kepada 124 mata asas pada suku terakhir tahun 2009 (Rajah 1.12). Spread negatif antara swap kadar faedah

**Rajah 1.11**
**Turun Naik Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan**




Sumber: Bloomberg

**Rajah 1.12**
**Spread antara Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (3-tahun) dengan OPR**




Sumber: Bloomberg dan pengiraan dalaman

(interest rate swap, IRS) dengan kadar hasil MGS, yang berterusan dari tahun 2008, bertukar positif dan makin stabil pada separuh kedua tahun 2009, mencerminkan jangkaan bahawa OPR tidak akan diturunkan lagi dan turun naik kadar hasil juga akan reda (Rajah 1.13).

Pada tahun 2009, kebimbangan menular tentang kemerosotan kedudukan fiskal ekonomi global dan serantau bagi membiayai pakej menyelamat sektor kewangan dan rangsangan ekonomi yang besar. Oleh itu, agensi penarafan antarabangsa menurunkan penarafan kredit beberapa bon berdaulat. Semakan penarafan mungkir penerbit mata wang dalam negeri jangka panjang Malaysia daripada 'A+' kepada 'A' oleh sebuah agensi penarafan antarabangsa pada bulan Jun 2009, dan kebimbangan yang meningkat tentang risiko berdaulat secara global tidak menambah penghindaran risiko dalam pasaran MGS. Mudah tunai dagangan juga tidak berkurang dengan ketara, baik dari segi harga mahupun

**Rajah 1.13**
**Spread antara Swap Kadar Faedah dan Sekuriti Kerajaan Malaysia**




Sumber: Bloomberg dan pengiraan dalaman

jumlah. Spread bida-tawar purata MGS tanda aras terus kecil, berpurata 12 mata asas (2008: 10 mata asas) manakala purata bulanan nisbah pusing ganti (dikira sebagai nisbah nilai pusing ganti kepada bon terkumpul) hanya menurun sedikit kepada 10.1% (2008: 10.8%).

***Pengantaraan kewangan dalam pasaran modal tidak terjejas***

Pasaran bon dan ekuiti domestik terus berfungsi dengan lancar sepanjang tahun untuk memudahkan pengantaraan kewangan bagi syarikat-syarikat. Aktiviti tawaran am permulaan (initial public offering, IPO) kembali cerdas pada suku kedua tahun 2009 selepas prestasi yang lembap pada akhir tahun 2008. Aktiviti IPO yang makin giat sebahagian besarnya dianggap berpunca daripada beberapa penyenaraian oleh syarikat daripada Republik Rakyat China dan IPO terbesar pada suku keempat tahun 2009. Oleh itu, jumlah nilai dana yang diperoleh melalui IPO pada tahun 2009 meningkat kepada RM12 bilion (2008: RM1.3 bilion). Melangkah ke hadapan, bilangan IPO oleh syarikat bukan pemastautin dijangka makin bertambah memandangkan integrasi kewangan serantau makin rapat, serta persekitaran menyokong bagi perolehan dana berikutan langkah-langkah yang diperkenalkan pada tahun 2009 untuk mempertingkatkan jangkauan dan kedalaman pasaran ekuiti.

Kos pembiayaan yang lebih rendah dan tinjauan sektor korporat domestik yang lebih positif dari suku kedua tahun 2009 dan seterusnya memainkan peranan penting dalam pemulihan

**Rajah 1.14**
**Terbitan Sekuriti Hutang Swasta Mengikut Profil Kredit**




Nota: Data untuk terbitan sektor korporat sahaja

Sumber: Bank Negara Malaysia

**Rajah 1.15**
**Swap Mata Wang Bersilang**




Sumber: Bloomberg

aktiviti utama dalam pasaran PDS. Terbitan PDS dengan pulih dan meningkat daripada tahap rendah yang dicatat pada separuh kedua tahun 2008 (Rajah 1.14). Namun, terbitan lebih menjurus kepada segmen penarafan lebih tinggi akibat spread kredit dan kos pendanaan bagi PDS dengan penarafan lebih rendah yang masih tinggi. Institusi kewangan juga memanfaatkan pasaran PDS untuk memperoleh modal, manakala penerbit asing kembali ke pasaran setelah ketidakpastian dalam pasaran berkurang. Minat yang berterusan oleh bukan pemastautin untuk menerbitkan bon berdenominasi ringgit, didorong pula oleh kadar yang bersaingan di rantau ini dan permintaan dalam negeri yang makin kukuh, menyebabkan kos melaksanakan swap ringgit kepada dolar AS melalui pasaran swap mata wang bersilang (cross currency swap market) dikekalkan pada tahap yang secara relatif tinggi sepanjang tahun 2009 (Rajah 1.15). Pada tahun 2009, jumlah PDS jangka panjang yang diterbitkan berjumlah RM60.9 bilion, tinggi sedikit berbanding dengan jumlah sebanyak RM55.7 bilion yang diterbitkan pada tahun 2008.

Dalam pasaran sekuriti hutang kerajaan, terbitan MGS meningkat 47.5% pada tahun 2009. Permintaan bagi MGS tetap kukuh meskipun wujud kebimbangan tentang jumlah bekalan yang tinggi. Nisbah bida kepada lindungan bagi bon kerajaan kekal kukuh pada 1.77 kali (2008: 1.95 kali). Jumlah terbitan kedua-dua bon Islam dan konvensional kerajaan berjumlah RM88.5 bilion (2008: RM60 bilion) kerana pelabur, khususnya institusi kewangan dalam negeri, terus mencari aset bebas risiko sebagai sebahagian daripada strategi mengimbangi semula portfolio.

**Rajah 1.16**
**Indeks Harga Pengguna**




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Aliran pelaburan portfolio kekal mudah diurus sepanjang tahun. Aliran keluar portfolio bersih pada separuh kedua tahun 2008 berterusan pada awal tahun 2009 berlatarkan aktiviti pembayaran balik hutang global. Namun, aliran masuk pelaburan portfolio daripada pelabur bukan pemastautin bersambung semula pada separuh kedua tahun 2009 kerana prospek pemulihan ekonomi yang lebih pantas daripada yang dijangka di rantau ini menyebabkan pertambahan permintaan bagi aset pasaran sedang pesat membangun, termasuk aset Malaysia. Bagi tahun 2009, pelaburan portfolio mencatat aliran masuk bersih sebanyak RM0.8 bilion, berbanding dengan aliran keluar bersih sebanyak RM84.4 bilion pada tahun 2008. Meskipun pasaran ekuiti Malaysia masih diberikan keutamaan lebih rendah oleh pelabur asing, pemegangan bon domestik oleh bukan pemastautin meningkat kepada 10.7% daripada bon terkumpul (2008: 8.1%).

**Sektor bukan kewangan**

Pada tahun 2009, keupayaan isi rumah dan perniagaan untuk menguruskan tekanan kewangan ketara teruji. Persekitaran dalam negeri yang mencabar, menjejaskan pendapatan sesetengah isi rumah, meskipun pada tahap yang berbeza-beza, terutamanya disebabkan waktu bekerja yang lebih singkat. Sesetengah perniagaan bertungkus lumus untuk mengekalkan hasil pendapatan kerana jumlah penjualan yang merosot.

Usaha bertahun-tahun yang digembleng untuk membina penampan kewangan dan memastikan tahap keberhutangan yang mudah diurus meletakkan isi rumah dan perniagaan dalam keadaan kewangan yang kukuh untuk menghadapi cabaran ini. Secara keseluruhannya, daya tahan berjaya dikekalkan dengan baik dan ramai yang memaparkan kemampuan untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran operasi yang lebih mencabar. Namun, ada segmen kecil penduduk dan perniagaan yang menghadapi kekangan kewangan yang serius dan memungkiri obligasi hutang.

## Isi rumah berjaya menyesuaikan diri apabila berhadapan dengan cabaran, dibantu oleh fleksibiliti pembayaran balik oleh bank dan disokong oleh keadaan kewangan yang kukuh berserta keupayaan khidmat bayar balik hutang yang mampan

***Toleransi sektor isi rumah yang kukuh dalam menghadapi ketidakpastian pekerjaan***
Tahun 2009 menyaksikan sektor isi rumah menghadapi cabaran dengan jayanya, mempergunakan penampan kewangan kukuh yang terbina sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Isi rumah mengambil sikap berhati-hati terhadap perbelanjaan pada separuh pertama tahun 2009 ekoran kebimbangan yang menyelubungi ketidakpastian tentang hala tuju ekonomi dalam negeri dan prospek pekerjaan (Rajah 1.16). Sentimen pengguna pada awal tahun 2009 mencecah tahap yang rendah sebelum pemulihan mendadak pada separuh kedua tahun seiring dengan tanda-tanda peningkatan yang lebih ketara dalam prospek persekitaran ekonomi makro dan pekerjaan (Rajah 1.17).

Ekonomi makro yang bertambah kukuh pada separuh kedua tahun dan kos peminjaman yang rendah membolehkan momentum permintaan bagi pembiayaan mula pulih lantaran keyakinan yang semakin positif. Jumlah hutang isi rumah berkembang sebanyak 9.4% hingga mencecah RM516.6 bilion atau 76.6% daripada KDNK (2008: RM472.1 bilion atau 63.9% daripada KDNK) pada akhir tahun 2009 (Rajah 1.18 dan

**Rajah 1.17**
**Indeks Sentimen Pengguna dan Indeks Pekerjaan**




Sumber: Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia

**Rajah 1.19**
**Komposisi Hutang Isi Rumah Mengikut Tujuan**




Sumber: Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan dan Bank Negara Malaysia

Rajah 1.19). Lebih daripada separuh hutang isi rumah tertumpu pada peminjaman bercagar jangka panjang untuk membiayai pembelian rumah kediaman (2009: 46.2%). Ini mengakibatkan peningkatan beransur-ansur dalam jumlah hutang isi rumah kepada pendapatan boleh guna peribadi daripada 114.9% pada bulan Januari 2009 kepada 136% pada bulan Disember 2009 (Rajah 1.20). Tahap nisbah hutang isi rumah kepada KDNK Malaysia kekal mudah diurus memandangkan komposisi hutang dan tahap rangkuman kewangan yang tinggi di Malaysia (Rajah 1.21).

Pembiayaan tidak bercagar turut menjana momentum. Pada tahun 2009, permintaan bagi pembiayaan berkaitan ekuiti melonjak kerana isi rumah cuba meraih manfaat daripada kenaikan dalam pasaran ekuiti. Jumlah pembiayaan peribadi dan baki kad kredit terkumpul juga bertambah pada separuh tahun kedua, berkembang pada kadar tahunan sebanyak 17.6% kepada RM98.8 bilion pada akhir tahun. Pembiayaan peribadi terutamanya meningkat tinggi sebanyak 22.9% pada tahun 2009 hingga kini mencakupi 14% (2008: 12.4%) daripada hutang isi rumah. Baki kad kredit bertambah sebanyak 5.4% kepada RM26.7 bilion, sebahagian besarnya untuk penggunaan dan pembelian runcit di bawah pelbagai skim pembayaran fleksibel yang ditawarkan oleh pelbagai penerbit kad. Jumlah pembelian berasaskan kad bagi tahun 2009 meningkat sebanyak 6.5%. Walaupun urus niaga kad kredit terus bertambah, dedahan kad kredit isi rumah tetap terkawal. Jumlah baki pusingan sebagai peratusan baki terkumpul kekal stabil

**Rajah 1.18**
**Keberhutangan Isi Rumah dan Nisbah Bayar Balik Hutang**




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Bank Negara Malaysia dan pengiraan dalaman

**Rajah 1.20**
**Nisbah Jumlah Hutang Isi Rumah kepada Pendapatan Boleh Guna Peribadi**




Sumber: Bank Negara Malaysia dan pengiraan dalaman

**Rajah 1.21**
**Nisbah Hutang Isi Rumah kepada KDNK (pada Tahun 2008)**




Sumber: Data CEIC, laporan kestabilan kewangan negara-negara tersebut, Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

pada 74.1%. Tambahan lagi, kad kredit dalam edaran dengan baki pusingan kekal tidak berubah pada 48.2% pada akhir tahun 2009, menandakan isi rumah berupaya membuat pembayaran tepat pada masanya. Meskipun pendapatan sesetengah isi rumah makin berkurangan, penggunaan pendahuluan tunai kekal rendah, dan hanya mencakupi 4.3% daripada jumlah urus niaga kad kredit (2008: 4.5%).

Meskipun tahap hutang terus meningkat, isi rumah mengekalkan keupayaan kukuh untuk menghadapi kejutan buruk. Tahap aset kewangan berkembang kukuh atas dasar agregat sebanyak 19.3%, sebahagian besarnya didorong oleh penilaian pelaburan lebih tinggi bagi ekuiti dan amanah saham. Pemulihan kesanggupan mengambil risiko dan prestasi FBM KLCI yang kukuh pada tahun 2009 menukar komposisi pelaburan ekuiti dan amanah saham. Pada akhir tahun 2009, aset kewangan isi rumah bertambah sedikit pada 2.5 kali jumlah hutang isi rumah (2008: 2.3 kali), memberikan fleksibiliti yang memadai kepada isi rumah untuk menyesuaikan diri dengan tuntutan persekitaran ekonomi yang mencabar. Aset cair isi rumah juga kekal mencukupi, dengan nisbah aset cair kepada hutang pada tahap yang agak selesa iaitu 148.6% (2008: 138.5%). Aset cair merangkum 60.3% daripada aset kewangan isi rumah pada akhir tahun 2009 (Rajah 1.22 dan Rajah 1.23).

Kesan kegawatan ekonomi lebih dirasai oleh sesetengah segmen isi rumah yang mula menghadapi masalah membayar balik hutang bulanan. Jumlah hutang isi rumah sebanyak RM13.2 bilion dengan sistem perbankan menjadi tak berbayar pada tahun 2009. Namun, kualiti hutang isi rumah secara keseluruhannya kekal

**Rajah 1.22**
**Nisbah Aset Kewangan Isi Rumah kepada Hutang Isi Rumah**




Sumber: Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan pengiraan dalaman

tinggi dengan nisbah pinjaman tak berbayar (NPL) yang rendah iaitu 3.1% berbanding dengan 4.1% pada akhir tahun 2008 (Rajah 1.24). Keupayaan untuk menjadualkan semula sebahagian daripada pembayaran balik hutang membantu melegakan kekangan kewangan yang membelenggu kumpulan berpendapatan lebih rendah.

Melangkah ke hadapan, keupayaan khidmat bayar balik hutang oleh isi rumah dijangka kekal kukuh. Penampan kewangan yang teguh dapat terus melindungi isi rumah agar dapat menyerap kejutan terhadap tahap pendapatan pada masa hadapan. Prospek bagi pengumpulan lanjut penampan kewangan kekal positif dengan pemulihan dalam sektor benar ekoran pelbagai langkah yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Dalam usaha memperkukuh penilaian kelemahan sektor

**Rajah 1.23**
**Komposisi Aset Kewangan Isi Rumah**




Sumber: Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan pengiraan dalaman

**Rajah 1.24**
**Sektor Perbankan: Nisbah Pinjaman Tak Berbayar (NPL) Sektor Isi Rumah**




Sumber: Bank Negara Malaysia

isi rumah, penekanan terus diberikan kepada memperteguh ketersediaan maklumat isi rumah secara beransur-ansur dan penghasilan alat analisis melalui kerjasama lebih erat dengan pelbagai agensi kerajaan.

## Sektor perniagaan kini pulih dengan mapan, mengharungi kemelut ekonomi secara tenang dengan keupayaan khidmat bayar balik hutang kekal teguh berlandaskan kedudukan kewangan yang kukuh

***Fleksibiliti operasi menyokong keupayaan perniagaan untuk menghadapi tahun yang mencabar***

Berbekalkan penampan kewangan yang dibina sejak bertahun-tahun, perniagaan di Malaysia berdepan dengan cabaran ketara pada tahun 2009 berlatarkan persekitaran perniagaan yang lebih perlahan dan keyakinan pengguna yang merosot. Peningkatan dalam produktiviti dan kecekapan operasi pada tahun-tahun sebelumnya menyokong perniagaan berdepan dengan hakisan perolehan pada separuh pertama tahun 2009, sekali gus mengekalkan keteguhan kewangan secara efektif. Langkah-langkah tersebut, disertai dengan pemulihan ekonomi pada separuh kedua tahun 2009, menghasilkan keputusan kewangan lebih kukuh yang telah memelihara keupayaan khidmat bayar balik hutang perniagaan, seperti yang diukur oleh nisbah perlindungan faedah (interest coverage ratio, ICR) (Jadual 1.1), sepanjang tahun 2009.

Pada separuh pertama tahun 2009, prestasi 170 buah syarikat yang dipantau oleh Bank Negara Malaysia (mewakili 86.2% daripada permodalan pasaran Bursa Malaysia) kekal lembap, terutamanya pada suku pertama tahun 2009. Meskipun tahap ICR bagi sesetengah industri menyederhana, lembaran imbangan yang kukuh dan pengumpulan perolehan tertahan melindungi perniagaan daripada kesan kelembapan dan

**Jadual 1.1**
**Nisbah Perlindungan Faedah bagi Industri Terpilih**

| | 2008 | | 2009 | |
|---|---|---|---|---|
| | ST1 | ST2 | ST1 | ST2 |
| | Kali (Median) | | | |
| **Operasi pelbagai** | 5.5 | 2.5 | 2.5 | 2.7 |
| **Industri berorientasikan eksport** | | | | |
| Perladangan & pertanian | 12.3 | 7.1 | 7.4 | 12.9 |
| Berkaitan minyak & gas | 5.8 | 5.9 | 5.1 | 1.3 |
| Elektrik dan elektronik | 4.6 | 3.3 | 0.9 | 22.0 |
| Keluaran sarung tangan getah | 5.3 | 6.0 | 6.6 | 10.0 |
| Bahan kimia & keluaran kimia | 12.8 | 1.3 | 14.9 | 5.7 |
| Perkilangan lain | 4.1 | 2.4 | 2.5 | 5.5 |
| **Industri berorientasikan domestik** | | | | |
| Utiliti | 4.1 | 3.5 | 3.7 | 3.7 |
| Infrastruktur | 3.9 | 3.1 | 3.1 | 3.3 |
| Pengangkutan | 3.7 | 2.2 | 1.3 | 2.0 |
| Telekomunikasi | 4.8 | 1.3 | 2.3 | 3.3 |
| Industri berkaitan binaan | | | | |
| Kejuruteraan awam | 4.5 | 0.5 | 2.4 | 3.1 |
| Harta tanah | 3.7 | 2.8 | 4.4 | 6.9 |
| Pembinaan & bahan binaan | 9.6 | 1.1 | 1.2 | 9.1 |
| Industri berkaitan pengguna | | | | |
| Automotif | 28.4 | 16.6 | 10.0 | 27.2 |
| Makanan, minuman & keluaran tembakau | 8.5 | 9.6 | 12.2 | 20.3 |
| Runcit | 7.8 | 11.1 | 9.1 | 14.6 |
| Hotel dan restoran | 1.8 | 2.4 | 1.9 | 1.4 |

Sumber: Bloomberg dan pengiraan dalaman

**Rajah 1.25**
**Sistem Perbankan: Pinjaman Tak Berbayar (NPL) bagi Perniagaan Besar dan PKS**




Sumber: Bank Negara Malaysia

**Rajah 1.27**
**Keberuntungan bagi Syarikat Terpilih**




Sumber: Bloomberg dan pengiraan dalaman

menyokong keupayaan khidmat bayar balik hutang mereka. Ini diperkukuh lagi dengan ketiadaan kenaikan secara mendadak dalam bilangan kebankrapan dan delinkuensi. Tahap NPL kekal kukuh dengan nisbah NPL sebanyak 4.7% pada akhir tahun (Rajah 1.25), tahap terendah yang diamati semenjak krisis kewangan Asia pada tahun 1998. Kedudukan leveraj keseluruhan kekal teguh dengan median nisbah hutang kepada ekuiti mapan di sekitar tahap 50% (Rajah 1.26) pada separuh pertama tahun 2009. Akses kepada pembiayaan bagi perniagaan besar dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) daripada sistem perbankan terus menggalakkan sepanjang tahun 2009 dengan kadar kelulusan pinjaman yang stabil berjumlah RM127.6 bilion. Perolehan sebelum faedah dan cukai (earnings before interest and tax, EBIT) mencatat peningkatan yang teguh bermula pada suku kedua (Rajah 1.27) di mana aktiviti perniagaan kembali pulih, didorong terutamanya oleh aktiviti penstokan semula dan langkah-langkah agresif yang diambil pada awal tahun untuk melindungi keutuhan keadaan kewangan.

Prestasi syarikat-syarikat Malaysia lebih memberangsangkan pada separuh kedua tahun 2009 berikutan pemulihan ekonomi global, khususnya di Asia, diperkukuh lagi dengan perayaan hujung tahun dan kesan rangsangan fiskal Kerajaan. Sentimen pengguna yang lebih positif, menerajui perbelanjaan pengguna dan permintaan dalam negeri yang lebih tinggi, sekali gus membantu pemulihan aktiviti perniagaan

**Rajah 1.26**
**Nisbah Hutang kepada Ekuiti bagi Sektor Terpilih**




Sumber: Bloomberg dan pengiraan dalaman

**Rajah 1.28**
**Sistem Perbankan: Pinjaman Terkumpul Perniagaan Besar dan PKS**




Sumber: Bank Negara Malaysia

**Rajah 1.29**
**Sistem Perbankan: Pengeluaran Pinjaman kepada Sektor Perniagaan Besar dan PKS**




Sumber: Bank Negara Malaysia

Malaysia. Keberuntungan dan keupayaan khidmat bayar balik hutang pada separuh kedua tahun semakin kukuh. Nisbah kelulusan pembiayaan kepada permohonan bagi perniagaan besar menyerderhana pada separuh pertama tahun 2009, tetapi pulih ke tahap 64.7% pada separuh kedua tahun, selaras dengan pemulihan ekonomi. Justeru itu, pengeluaran pinjaman daripada sistem perbankan kepada perniagaan besar meningkat sebanyak 5.3% pada tahun 2009 kepada RM249.4 bilion (Rajah 1.28 dan Rajah 1.29).

Dalam usaha mencari kadar hasil lebih tinggi dalam persekitaran kadar faedah global yang rendah, pelabur antarabangsa beralih kepada pasaran komoditi sebagai satu kelas aset. Indeks harga komoditi dunia (Rajah 1.30) meningkat semula selepas mengalami pembetulan harga yang mendadak pada suku terakhir tahun 2008 dan suku pertama tahun 2009. Meskipun turun naik harga kekal rendah, harga komoditi terus meningkat sepanjang tahun 2009 menyebabkan kenaikan harga bahan mentah dan input pengantaraan.

Industri berorientasikan eksport terjejas dengan ketara pada separuh pertama tahun 2009 terutamanya akibat permintaan luar yang lebih lembap. Prestasi industri minyak sawit mentah (crude palm oil, CPO) terjejas akibat permintaan global yang lemah bagi komoditi, menyebabkan harga CPO terus menurun pada separuh pertama tahun 2009. Di samping itu, jumlah pengeluaran yang rendah, berpunca daripada keadaan cuaca yang buruk dan tekanan biologi pada pokok, terus mengekang perolehan

**Rajah 1.30**
**Indeks Harga Komoditi**




Sumber: Bloomberg

pengeluar CPO. Namun, perkembangan ini tidak menjejaskan keupayaan khidmat bayar balik hutang pengeluar CPO (Rajah 1.31). ICR terus meningkat pada separuh kedua tahun 2009, disokong oleh perolehan yang meningkat disebabkan harga CPO yang makin stabil dan kadar hasil yang diperbaiki daripada tandan buah segar berlatarkan kitaran hasil menaik biologi bermusim.

Prestasi industri minyak dan gas (oil and gas, O&G) kekal lembap pada tahun 2009 dibelenggu sebahagian besarnya oleh aktiviti perniagaan yang lemah dalam segmen perkhidmatan berkaitan O&G. Pada separuh pertama tahun 2009, penyedia perkhidmatan berkaitan O&G menghadapi permintaan yang lemah kerana projek cari gali dan pengeluaran (exploration and production, E&P) masih berada pada peringkat tender. Ini diburukkan lagi oleh kadar sewa (charter) yang rendah akibat persaingan global yang sengit. Permintaan yang beransur-ansur pulih pada separuh kedua tahun 2009 tidak mencukupi

**Rajah 1.31**
**Harga Minyak Sawit Mentah dan Nisbah Perlindungan Faedah bagi Industri Perladangan**




Sumber: Bloomberg, Lembaga Minyak Sawit Malaysia dan pengiraan dalaman

**Rajah 1.32**
**Indeks Pengeluaran Perindustrian dan Nisbah Perlindungan Faedah bagi Industri E&E**




Sumber: Bloomberg, Jabatan Perangkaan Malaysia dan pengiraan dalaman

**Rajah 1.33**
**Skor-Z BNM[1] bagi Sektor Perkilangan**




*r* Ramalan

[1]Skor-Z yang dipinda menggunakan pengiraan dalaman

$$\text{BNM Skor-Z} = -1.4 + 1.2\,\frac{\text{Aset Semasa}}{\text{Jumlah Aset}} + 1.1\,\frac{\text{Jumlah Dana Pemegang Saham}}{\text{Jumlah Liabiliti}} + 0.1\,\text{Nisbah Perlindungan Faedah}$$

Sumber: Bloomberg dan ramalan dalaman

untuk mengimbangi persaingan yang kekal sengit dengan lebihan bekalan kapal. Meskipun prestasi kewangan merosot, segmen ini disokong oleh kekukuhan rizab kewangan yang dikumpul pada tahun-tahun sebelumnya. Ini menyokong kemantapan kedudukan kesolvenan dan keupayaan khidmat bayar balik hutang walaupun tahap ICR lebih rendah. Segmen penapis dan peruncit memaparkan peningkatan pada separuh pertama tahun 2009 berikutan daripada penormalan penggunaan bahan api runcit berikutan pengurangan harga minyak di pam. Disertai dengan keuntungan inventori ekoran kenaikan harga minyak mentah dan pemulihan ekonomi, segmen ini meneruskan momentumnya pada separuh kedua tahun 2009. Melangkah ke hadapan, tinjauan keseluruhan industri adalah positif, disokong oleh peningkatan pesanan di kalangan penyedia perkhidmatan berkaitan O&G dan aktiviti E&P yang kian rancak, manakala harga minyak mentah yang stabil akan terus menyokong syarikat penapis dan peruncit.

Sektor perkilangan juga terjejas pada separuh pertama tahun 2009, tetapi kemudiannya beransur pulih. Industri elektrikal dan elektronik (electrical and electronics, E&E), terutamanya, mengalami penguncupan berlanjutan pada suku pertama tahun 2009, sebahagian besarnya ekoran penurunan harga penjualan yang mendadak dan permintaan luar yang lemah. Indeks Pengeluaran Perindustrian (Industrial Production Index, IPI) bagi industri ini menjunam ke tahap serendah 74.5 mata pada separuh pertama tahun 2009 (ST2 2008: 104.3 mata; ST1 2008: 111.4 mata). Meskipun ICR industri terjejas (Rajah 1.32), sebahagian besar peserta dalam industri ini mempunyai daya tahan kewangan yang kukuh dengan tahap leveraj yang rendah. Garis median hutang kepada ekuiti berada pada paras 33.3% pada akhir separuh pertama tahun 2009 (ST2 2008: 33.4%; ST1 2008: 25.1%). Meskipun peserta industri kekal berwaspada terhadap aktiviti penstokan semula, permintaan bagi produk E&E mula muncul pada bulan April 2009. Permintaan luar bertambah kukuh pada separuh kedua tahun 2009 setelah pakej rangsangan global mula membuahkan hasil, seterusnya memacu pertumbuhan dalam pasaran berkaitan pengguna, khususnya dalam segmen komputer *netbook* dan telefon mudah alih, menghasilkan kenaikan berterusan dalam penjualan cip global.

Melangkah ke hadapan, prestasi positif di dalam industri E&E kemungkinan besar mampu mengurangkan tahap risiko kredit dalam sektor perkilangan secara keseluruhannya. Tahap risiko kredit dalam sektor perkilangan, seperti yang diukur oleh skor-Z (Rajah 1.33), dijangka rendah dan terus kekal terurus meskipun jika berlaku risiko kegawatan yang lebih besar pada tahun 2010, seperti yang dicerminkan oleh jalur yang lebih rendah dalam *fan funnel*. Ini disokong selanjutnya oleh trend kebarangkalian jangkaan mungkir (expected default frequency, EDF) yang bertambah baik bagi sektor ini (Rajah 1.34). Tahap risiko kredit dalam industri E&E juga memaparkan trend yang sepadan (Rajah 1.35

**Rajah 1.34**
**EDF[1] bagi Sektor Perkilangan**




*r* Ramalan

[1] EDF (Expected Default Frequency) mengukur kebarangkalian sesebuah firma akan mungkir dalam jangka masa tertentu (kebiasaannya satu tahun). Mungkir ditaksirkan sebagai kegagalan membuat bayaran prinsipal atau faedah.

Sumber: Moody's KMV Credit Edge™ dan ramalan dalaman

**Rajah 1.36**
**EDF bagi Industri E&E**




*r* Ramalan

Sumber: Moody's KMV Credit Edge™ dan ramalan dalaman

dan Rajah 1.36) disokong oleh pemulihan dalam ekonomi global dan perkembangan pasaran separa konduktor global. Pemulihan beransur-ansur dalam permintaan-akhir keseluruhan, dipacu oleh penjualan produk pengguna seperti telefon pintar temasuk *Nexus* dan komputer *netbook* dan *tablet*, serta aktiviti penstokan semula dan pertambahan perbelanjaan oleh perniagaan akan terus mendorong pertumbuhan dalam industri ini pada masa hadapan.

Industri berorientasikan dalam negeri tidak terlindung sepenuhnya daripada persekitaran luaran. Kemerosotan dalam permintaan luar negeri menular ke dalam pelbagai industri domestik pada tahap yang berbeza-beza. Pasaran harta benda di Malaysia sebahagian besarnya kekal tenang. Walaupun pasaran harta benda di sesetengah ekonomi mengalami pembetulan harga yang mendadak disebabkan peningkatan ketara pada tempoh-tempoh sebelumnya, pasaran harta tanah tempatan terkecuali daripada fenomena ini, kecuali sesetengah lokasi dan pembangunan tertentu. Sebelum kegawatan ekonomi, sebilangan pangsapuri mewah di bahagian-bahagian terpilih di Kuala Lumpur telah pun mengalami penurunan harga,dan dengan itu menyekat penurunan harga yang lebih lanjut. Pengurangan OPR pada tahun 2009 memperkukuh lagi kos pegangan bagi pemilik rumah, yang sedikit sebanyak telah menyokong pasaran harta tanah.

Keberuntungan pemaju harta tanah, terutamanya segmen kediaman, kekal lemah pada separuh pertama tahun 2009, lantaran tekanan daripada kos input yang tinggi yang dialami semenjak tahun 2008 (Rajah 1.37) dan permintaan yang terus

**Rajah 1.35**
**Skor-Z BNM bagi Industri E&E**




*r* Ramalan

Sumber: Bloomberg dan ramalan dalaman

**Rajah 1.37**
**Indeks Harga Rumah dan Harga Batang Keluli**




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC)

lembap dalam pasaran utama. Pemaju mengambil tindakan melaksanakan langkah pengurangan kos yang agresif bagi mengurangkan impak ke atas keadaan kewangan, lantas mengekalkan keupayaan untuk memenuhi obligasi pembayaran balik hutang bulanan. Pada separuh kedua tahun 2009, nisbah leveraj menurun dengan agak ketara kepada 42.3% (ST1 2009: 47.4%; ST2 2008: 48.2%) lantas memantapkan keupayaan khidmat bayar balik hutang.

Keadaan ekonomi yang muram turut menimbulkan tekanan yang serupa ke atas keupayaan khidmat bayar balik hutang syarikat pembinaan dan kejuruteraan sivil. Prestasi industri pulih pada suku kedua tahun 2009 didorong terutamanya oleh pelaksanaan projek di bawah RMK9 dan pakej rangsangan. Meskipun sebilangan kecil perniagaan terjejas akibat masalah hutang yang dialami sesetengah syarikat di Dubai, pendedahan industri pembinaan secara keseluruhannya adalah agak terbatas. Keupayaan khidmat bayar balik hutang keseluruhan bagi industri pembinaan dan kejuruteraan awam beransur pulih dari separuh kedua tahun 2009.

Permintaan yang lembap ekoran prestasi lemah dalam pasaran harta benda, aktiviti pembinaan dan kejuruteraan awam, telah menjejaskan perniagaan yang terlibat dalam industri bahan yang berkaitan dengan bangunan dan pembinaan (building and construction-related materials, BCM). Ini diburukkan lagi oleh persaingan harga yang sengit antara pengilang BCM (Rajah 1.38). Namun, permintaan bagi BCM, khususnya segmen besi dan keluli, makin pulih pada separuh kedua tahun 2009 ekoran pertambahan aktiviti pembinaan dalam negeri dan aktiviti rangsangan ekonomi pada peringkat global. Ini menyokong keupayaan khidmat bayar balik hutang bagi sektor ini.

Pelaksanaan projek kerajaan berkaitan dengan RMK9 dan pakej rangsangan dijangka dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 2010 dan akan memacu aktiviti dalam sektor berkaitan pembinaan. Saiz buku pesanan syarikat-syarikat pembinaan kini mencukupi untuk menjamin aliran tunai selama dua tahun. Aktiviti pembinaan yang makin giat, di dalam serta di luar negeri, meskipun terdapat sedikit penguncupan di Timur Tengah, dijangka meningkatkan permintaan untuk industri BCM. Harga keluli dijangka meningkat pada tahun 2010 tetapi berkemungkinan besar tidak mengalami

**Rajah 1.38**
**Harga Batang Keluli dan Nisbah Perlindungan Faedah bagi Industri Pembinaan dan Bahan Binaan**




Sumber: Bloomberg, Jabatan Perangkaan Malaysia dan pengiraan dalaman

turun naik seperti pada tahun 2008. Tinjauan positif bagi risiko kredit pada tahun 2010 bagi sektor pembinaan dan sektor berkaitan (Rajah 1.39 dan Rajah 1.40) mungkin sedikit sebanyak terjejas oleh keadaan lebihan harta tanah tidak terjual dalam sesetengah lokasi yang akan terus membangkitkan kebimbangan tentang tinjauan dan kekukuhan pasaran harta benda. Dalam segmen pasaran harta benda, aktiviti mula menjana momentum sejak akhir tahun 2009. Tempoh ini turut mencatat pertambahan dalam pelancaran baharu dengan pakej-pakej yang menarik.

Bulan-bulan awal pada tahun 2009 mencatat penurunan berterusan dalam penggunaan bekalan elektrik (Rajah 1.41), sebahagian besarnya

**Rajah 1.39**
**Skor-Z BNM bagi Industri Harta Tanah, Kejuruteraan Awam serta Pembinaan dan Bahan Binaan (BCM)**




*r* Ramalan

Sumber: Bloomberg dan ramalan dalaman

**Rajah 1.40**
**EDF bagi Industri Harta Tanah, Kejuruteraan Awam serta Pembinaan dan Bahan Binaan**




*r* Ramalan

Sumber: Moody's KMV Credit Edge™ dan ramalan dalaman

disebabkan oleh pengurangan dalam penggunaan kuasa oleh pengguna perindustrian. Sebagai penyumbang utama kepada hasil, penggunaan elektrik yang lebih rendah mengakibatkan risiko perolehan yang rendah ke atas penjana kuasa. Keadaan ini beransur pulih pada separuh kedua tahun 2009, apabila keadaan ekonomi bertambah baik, lantas mengurangkan tekanan ke atas perolehan. Ini disokong lagi oleh kos input yang lebih rendah berikutan penurunan harga arang batu. Keupayaan khidmat bayar balik hutang industri (Rajah 1.42) berbalik kepada aras yang dicatat pada tahun 2007, setelah hasil pulih dengan ketara pada suku kedua dan bertahan pada tahap ini pada suku-suku seterusnya dalam tahun 2009.

Prestasi industri automotif kurang kukuh pada awal tahun sebelum kembali pulih secara

**Rajah 1.41**
**Penjanaan Elektrik dan Hasil bagi Industri Tenaga**




Sumber: Tenaga Nasional Berhad dan Bloomberg

**Rajah 1.42**
**Harga Arang Batu dan Nisbah Perlindungan Faedah bagi Industri Tenaga**




Sumber: Bloomberg, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan pengiraan dalaman

beransur-ansur. Jumlah keluaran industri (total industry volume, TIV) penjualan kenderaan pada separuh pertama tahun 2009 menguncup sebanyak 9.7% berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 2008 kerana pengguna agak berhati-hati semasa membuat pembelian yang besar. Meskipun jumlah penjualan lebih rendah, industri automotif kekal teguh berlandaskan keadaan kesolvenan yang kukuh, harga keluli yang lebih rendah serta sokongan daripada *Scrapping Policy.* Peningkatan pada separuh kedua tahun 2009 (penjualan TIV: 5.7% perubahan tahunan) diterajui oleh segmen kereta nasional kerana pengguna beralih kepada kenderaan yang berkapasiti enjin lebih kecil serta yang lebih menjimatkan (Rajah 1.43).

Syarikat telekomunikasi, pengeluar makanan dan minuman, tembakau dan minimum keras, serta syarikat pemegang konsesi jalan tol memaparkan keupayaan pembayaran balik hutang yang

**Rajah 1.43**
**Jualan Kenderaan dan Nisbah Perlindungan Faedah bagi Industri Automotif**




Sumber: Bloomberg, Persatuan Automotif Malaysia dan pengiraan dalaman

mantap lantaran industri ini sudah sedia kebal kegawatan dan tidak bersifat kitaran.

Sebagai sebahagian daripada komuniti perniagaan, keadaan ekonomi yang mencabar mengenakan tekanan yang meningkat ke atas pertumbuhan dan kemampanan berterusan PKS Malaysia. Penguncupan permintaan, kelewatan pembayaran, kemerosotan serius dalam indeks pengeluaran perindustrian, kekangan pendanaan dan harga bahan mentah dan input yang melambung tinggi merupakan beberapa cabaran utama yang membelenggu PKS. Pembiayaan terkumpul daripada sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (development financial institutions, DFI) kepada PKS mengecil sedikit pada akhir tahun 2009, sebahagiannya disebabkan akaun PKS dinaik taraf kepada akaun perusahaan besar, penjualan pinjaman aset tak berbayar kepada syarikat pengurusan aset oleh sebuah kumpulan perbankan pada bulan November 2009 dan hutang lapuk yang dihapus kira. Permintaan berterusan bagi pembiayaan ekoran kadar kelulusan yang stabil oleh institusi perbankan mendorong pertumbuhan positif dalam sektor PKS terutamanya menjelang akhir tahun 2009. Pada suku akhir tahun 2009, permintaan bagi pembiayaan PKS melonjak sebanyak 37.1% (S3 2009: -1.7% perubahan tahunan) manakala kelulusan meningkat sebanyak 8.8% (S3 2009: -8.1% perubahan tahunan). NPL PKS meningkat sedikit kepada 7.6% daripada pinjaman kasar menjelang bulan September 2009 (akhir tahun 2008: 7.1%) disebabkan aliran tunai yang lebih lemah dan aktiviti perniagaan yang lembap. Dengan pemulihan ekonomi pada separuh kedua tahun 2009, nisbah NPL kasar bertambah baik kepada 6.6%.

**Sektor kewangan**

***Sektor kewangan Malaysia kekal stabil dan berfungsi dengan lancar meskipun keadaan ekonomi dan kewangan di dalam serta di luar negeri mengalami ketidaktentuan***

Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran 2008 memaparkan beberapa cabaran, khususnya berkaitan dengan prospek pendapatan dan kekukuhan penampan kewangan, dengan ekonomi domestik yang terjejas akibat krisis global. Tekanan terutamanya dijangka berpunca daripada permintaan yang menurun terhadap perkhidmatan kewangan, keberuntungan yang lebih rendah daripada operasi luar negeri bagi kumpulan perbankan domestik dan tuntutan insurans dan pembayaran manfaat yang meningkat. Pendapatan korporat yang lebih rendah dan keadaan guna tenaga yang lebih lemah dijangka menjejaskan keupayaan pembayaran balik hutang isi rumah dan perniagaan, dengan itu meningkatkan kemungkinan delinkuensi pinjaman yang lebih tinggi dan potensi bagi kemungkiran bersilang (cross-defaults) oleh peminjam korporat. Keadaan pasaran pembiayaan yang kompetitif dan mudah tunai yang lebih dari mencukupi dijangka memberikan cabaran yang lebih hebat kepada bank untuk mengekalkan margin keuntungan bagi aktiviti pembiayaan, manakala keadaan pasaran kewangan yang tidak menentu akan memberikan cabaran kepada syarikat insurans dan pengendali takaful untuk mengurus pulangan pelaburan dan ketidakpadanan tempoh aset dan liabiliti. Secara kolektif, tekanan menurun terhadap kemapanan hasil dan seterusnya terhadap pemeliharaan penampan kewangan, boleh memberikan kesan kurang optimal kepada perilaku institusi kewangan yang boleh menghasilkan strategi perniagaan yang lebih agresif. Di samping itu, institusi kewangan dijangka menanggung peningkatan risiko pasaran lantaran turun naik dan ketaktentuan dalam keadaan pasaran kewangan yang dijangka berterusan, serta mudah tunai dolar AS yang terus ketat.

Risiko kepada kestabilan sistem kewangan yang dinyatakan di atas sedikit sebanyak menjadi kenyataan pada tahun 2009 tetapi tidak seburuk seperti yang dijangkakan. Ini sebahagiannya disebabkan oleh keadaan ekonomi dan kewangan global yang beransur-ansur stabil, seterusnya telah mengehadkan tahap limpahan yang menjejaskan ekonomi serantau dan domestik. Lebih penting lagi, pengukuhan penampan kewangan oleh sektor kewangan dan bukan kewangan domestik memberikan keupayaan dan fleksibiliti yang lebih mantap kepada entiti-entiti ini untuk menghadapi kejutan. Berbanding dengan krisis kewangan Asia, institusi kewangan Malaysia lebih bersiap sedia, berkemampuan dan proaktif, dari segi memperkukuhkan kedudukan permodalan dan kesolvenan yang kukuh bagi menghadapi kejutan yang mungkin berlaku dan bagi memenuhi keperluan

**Jadual 1.2**
**Nisbah Kecukupan Modal pada akhir 2009**

| | Sistem perbankan | Bank perdagangan | | Bank-bank Islam | Bank pelaburan |
|---|---|---|---|---|---|
| | | Domestik | Asing | | |
| | % | | | | |
| Nisbah modal wajaran risiko | 14.7 | 13.8 | 15.4 | 14.7 | 34.4 |
| Nisbah modal teras | 13.1 | 12.7 | 12.8 | 12.2 | 32.7 |
| Ekuiti[1] kepada aset | 7.6 | 7.7 | 7.2 | 7.0 | 11.6 |
| Ekuiti[1] kepada aset berwajaran risiko | 11.7 | 10.7 | 12.4 | 11.9 | 34.3 |

[1] Ekuiti terdiri daripada saham biasa, premium saham, tabung rizab berkanun, tabung rizab am dan perolehan tertahan (tolak kerugian belum diaudit) tolak *goodwill*

Sumber: Bank Negara Malaysia

kewangan para peminjam yang dibelenggu kesulitan kewangan lantaran persekitaran operasi yang lebih mencabar.

Kredit terus disalurkan untuk menyokong keperluan sektor benar lantas menyokong pemulihan awal ekonomi dalam negeri. Tahap daya tahan sektor kewangan yang tinggi amat terserlah. Kedudukan permodalan dan kesolvenan kekal pada tahap yang kukuh, disokong oleh struktur keinstitusian dan infrastruktur kewangan yang teguh, serta budaya tadbir urus dan pengurusan risiko yang lebih mantap. Bank-bank Malaysia telah menjangkakan prospek ekonomi yang lebih mencabar dan peningkatan persepakatan antarabangsa untuk memberikan penekanan pada tahap dan kualiti permodalan yang tinggi. Oleh itu, sejak suku keempat tahun 2008, bank-bank di Malaysia telah memulakan langkah untuk meningkatkan tahap modal masing-masing. Tahap modal yang lebih tinggi ini juga membolehkan institusi kewangan secara strategik memanfaatkan peluang perniagaan di dalam dan luar negeri sebaik sahaja ekonomi global pulih daripada krisis. Hasilnya, pada akhir tahun 2009, nisbah modal wajaran risiko (risk-weighted capital ratio, RWCR) dan nisbah modal teras (core capital ratio, CCR) sistem perbankan masing-masing meningkat kepada 14.7% dan 13.1%. Kedudukan leveraj bank-bank bertambah baik pada tahap 13.1 kali (2008: 14 kali) manakala nisbah ekuiti kepada jumlah aset berwajaran risiko adalah pada tahap 11.7% (Jadual 1.2). Aktiviti peningkatan modal sebahagian besarnya tertumpu pada terbitan ekuiti, lantas menyumbang kepada pengukuhan kualiti modal. Kira-kira 70% daripada jumlah modal industri perbankan Malaysia terdiri daripada modal teras Kumpulan-1 (Rajah 1.44 dan Rajah 1.45). Sektor insurans pula mencatat nisbah kecukupan modal yang lebih tinggi sebanyak 230% (2008: 187.6%), iaitu kira-kira 93% daripada jumlah modal terdiri daripada modal Kumpulan-1 termasuk saham biasa yang berbayar sepenuhnya dan keuntungan

**Rajah 1.44**
**Sistem Perbankan: Modal Baru**




Sumber: Bank Negara Malaysia

**Rajah 1.45**
**Sistem Perbankan: Komposisi Modal**




Sumber: Bank Negara Malaysia

**Rajah 1.46**
**Nisbah Kecukupan Modal bagi Industri Insurans**




Sumber: Bank Negara Malaysia

tertahan (Rajah 1.46). Ini menyumbang kepada penampan kewangan yang ketara bagi sektor perbankan dan industri insurans masing-masing sebanyak RM58.4 bilion (4.1% daripada jumlah aset) dan RM18.6 bilion (11.4% daripada jumlah aset). Pelaksanaan Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko pada bulan Januari 2009 juga memberikan kesan yang kecil terhadap nisbah kecukupan modal penanggung insurans kerana pelaksanaan selari selama dua tahun berjaya membantu syarikat-syarikat insurans menjadi lebih bersedia. Sementara itu, enam buah DFI di bawah kawal selia Bank turut mencatat agregat RWCR yang kukuh sebanyak 21.7% pada akhir tahun 2009.

## Institusi kewangan Malaysia dijangka terus berdaya tahan meskipun dalam senario terburuk. Sistem perbankan memiliki penampan modal berkualiti tinggi melebihi RM50 bilion, disokong oleh peruntukan kerugian pinjaman yang tinggi iaitu hampir 100%

***Pengantaraan kewangan yang berterusan***
Bina upaya dan pembinaan infrastruktur sejak beberapa tahun ini telah berjaya memperkukuh amalan pengurusan risiko dan tadbir urus bank-bank. Kini bank-bank lebih berupaya untuk menganalisis dan membuat anggaran terhadap kemungkinan kekangan kewangan dan delinkuensi bagi segmen pelanggan dan portfolio yang berbeza, lantas membolehkan tindak balas yang bersesuaian dilaksanakan pada peringkat awal. Oleh itu, bank memberikan lebih perhatian kepada kualiti kredit peminjam kerana bank berupaya membezakan antara peminjam yang mempunyai keupayaan membuat pembayaran balik hutang berterusan, tetapi mengalami kesulitan kewangan sementara yang disebabkan oleh persekitaran ekonomi makro, berbanding dengan peminjam yang sudah mempunyai leveraj dan keberhutangan yang tinggi. Ini membolehkan bank-bank melaksanakan langkah-langkah pemulihan yang wajar. Persekitaran persaingan khususnya dalam pembiayaan runcit, telah menggalakkan bank-bank untuk terus melaksanakan inovasi yang berhemat dan dengan pertimbangan yang teliti, serta menyediakan penyelesaian tertumpu pelanggan dengan diubahsuai khas untuk memenuhi keperluan kewangan pelanggan yang berubah-ubah. Permintaan terhadap pembiayaan menjadi lebih perlahan pada separuh pertama tahun 2009 dalam keadaan domestik yang lebih lemah disebabkan sektor isi rumah dan perniagaan terus bersikap waspada dan mengubah rancangan perbelanjaan mengikut keutamaan dengan jangkaan prospek guna tenaga dan persekitaran ekonomi yang lebih mencabar. Jumlah permohonan bagi pembiayaan baharu hanya bertambah sebanyak 2.3% pada separuh pertama tahun 2009 (ST1 2008: 17.7%). Permintaan sektor isi rumah terhadap pembiayaan juga mencatat pertumbuhan yang lebih sederhana sebanyak 7.6% berbanding dengan 38.4% bagi tempoh yang sama pada tahun 2008. Pada separuh kedua tahun 2009, permintaan terhadap pembiayaan mencatat pemulihan yang ketara seiring dengan prospek pertumbuhan yang bertambah baik, lantas mengimbangi kedudukan yang lebih sederhana pada tempoh sebelumnya.

Bagi tahun 2009, pertumbuhan keseluruhan dalam permohonan terhadap pembiayaan adalah lebih tinggi pada 9.3% (2008: 3.8%). Bank-bank terus menyokong keperluan pembiayaan pelanggan dengan kadar kelulusan yang kekal stabil pada kira-kira 70% sepanjang tahun, manakala penggunaan kemudahan kredit sedia ada bertambah sebanyak 2.4% kepada RM655.7 bilion (Rajah 1.47). Memandangkan kenaikan berterusan sebanyak 9.3% bagi deposit sektor perbankan yang mencapai RM1,062.9 bilion

**Jadual 1.3**
**Penunjuk Keteguhan Kewangan Utama**

| | Pada akhir | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | 2005 | 2006 | 2007 | 2008 | 2009*a* |
| | % (atau dinyatakan sebaliknya) | | | | |
| Sistem Perbankan | | | | | |
| Nisbah Modal Wajaran Risiko | 13.7 | 13.5 | 13.2 | 12.6 | 14.7 |
| Nisbah Modal Teras | 10.7 | 10.7 | 10.2 | 10.6 | 13.1 |
| Pulangan atas Aset | 1.4 | 1.3 | 1.5 | 1.5 | 1.2 |
| Pulangan atas Ekuiti | 16.8 | 16.2 | 19.8 | 18.6 | 13.9 |
| Nisbah Aset Mudah Tunai kepada Jumlah Aset | 8.0 | 8.0 | 9.3 | 10.3 | 11.5 |
| Nisbah Aset Mudah Tunai kepada Tanggungan Jangka Pendek | 10.2 | 10.3 | 11.8 | 13.1 | 14.5 |
| Nisbah Pinjaman Tak Berbayar Bersih - 3-bulan | 5.8 | 4.8 | 3.2 | 2.2 | 1.8 |
| Kedudukan Bersih Wajaran Durasi kepada Modal Asas | 8.3 | 7.5 | 4.4 | 3.8 | 5.0 |
| Kedudukan Mata Wang Asing Terbuka Bersih kepada Modal Asas | 1.1 | 4.7 | 5.1 | 5.2 | 4.6 |
| Kedudukan Ekuiti Terbuka Bersih kepada Modal | 2.1 | 2.5 | 2.5 | 0.9 | 1.0 |
| Syarikat Insurans | | | | | |
| Nisbah Kecukupan Modal | t.b. | 139.6 | 158.4 | 189.8 | 230.0 |
| Insurans Hayat & Takaful Keluarga (RM juta) | | | | | |
| Lebihan Pendapatan berbanding Perbelanjaan | 10,304.7 | 12,118.3 | 14,643.0 | 8,779.6 | 12,297.3 |
| Premium / Caruman Baharu Perniagaan | 7,582.0 | 8,596.2 | 9,267.0 | 9,429.8 | 9,942.2 |
| Nisbah Kecukupan Modal (konvensional sahaja) | t.b. | 119.8 | 176.9 | 200.0 | 256.5 |
| Insurans dan Takaful Am (RM juta) | | | | | |
| Keuntungan Pengunderaitan | 1,105.6 | 480.9 | -75.3 | 194.2 | 822.9 |
| Keuntungan Kendalian | 1,715.4 | 1,491.6 | 1,301.4 | 752.4 | 2,028.0 |
| Premium / Caruman Langsung Kasar | 10,085.0 | 10,505.0 | 10,987.3 | 11,417.3 | 12,792.4 |
| Nisbah Tuntutan | 54.9 | 60.0 | 65.0 | 62.0 | 60.8 |
| Nisbah Kecukupan Modal (konvensional sahaja) | t.b. | 182.8 | 182.1 | 181.1 | 188.9 |
| Sektor Isi Rumah (IR) | | | | | |
| Nisbah Aset Kewangan IR kepada Jumlah Hutang IR | 237.3 | 247.2 | 269.8 | 234.6 | 246.3 |
| Nisbah Hutang IR kepada KDNK | 69.1 | 68.8 | 66.9 | 63.9 | 76.6 |
| Nisbah Aset Kewangan Mudah Tunai kepada Jumlah Hutang IR | 142.8 | 151.5 | 172.3 | 138.5 | 148.6 |
| Nisbah Khidmat Bayar Hutang | 41.3 | 39.1 | 41.2 | 39.6 | 49.2 |
| Nisbah Pinjaman Tak Berbayar bagi Sektor IR | 8.1 | 7.1 | 5.3 | 4.1 | 3.1 |
| Sektor Korporat | | | | | |
| Pulangan atas Aset | 4.3 | 5.0 | 5.7 | 4.0 | 4.1 |
| Pulangan atas Ekuiti | 8.2 | 9.3 | 10.9 | 7.4 | 7.6 |
| Nisbah Hutang kepada Ekuiti | 49.9 | 54.0 | 48.0 | 52.2 | 46.0 |
| Nisbah Perlindungan Faedah (kali) | 6.2 | 4.8 | 6.5 | 4.7 | 5.1 |
| Margin Operasi | 10.9 | 11.7 | 12.0 | 9.3 | 10.2 |
| Nisbah Pinjaman Tak Berbayar bagi Sektor Perniagaan | 11.2 | 10.2 | 8.0 | 6.0 | 4.7 |
| Institusi Kewangan Pembangunan[1] | | | | | |
| Pinjaman kepada Sektor Terpilih (% perubahan) | 29.6 | 17.5 | 18.7 | 16.3 | 18.1 |
| Deposit Dimobilisasi (% perubahan) | 12.4 | 11.1 | 12.4 | 18.5 | 14.4 |
| Nisbah Pinjaman Tak Berbayar - 6-bulan | 10.4 | 10.0 | 8.8 | 6.6 | 6.8 |
| Pulangan atas Aset | 3.0 | 1.5 | 1.9 | 2.9 | 2.3 |

*a* Awalan
[1] Merujuk kepada institusi kewangan pembangunan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002
t.b. Tidak berkenaan
Nota: Data insurans berdasarkan tahun kalender tidak diaudit, melainkan jika ditandakan sebaliknya

Sumber: Bank Negara Malaysia, Bloomberg dan pengiraan dalaman

**Rajah 1.47**
**Sistem Perbankan: Pengeluaran Pinjaman**




Sumber: Bank Negara Malaysia

atau 157.6% daripada keluaran dalam negeri kasar (KDNK), nisbah pinjaman kepada deposit kekal terurus pada 77.9% pada akhir tahun 2009. Selain itu, peminjam juga mempunyai akses yang mencukupi kepada dana yang boleh digunakan bagi keperluan masa hadapan, dengan jumlah pembiayaan yang belum digunakan sebanyak RM304.8 bilion (+13.1%). Pada akhir tahun 2009, pembiayaan terkumpul oleh bank-bank berkembang sebanyak 7.8% kepada RM783.4 bilion atau 116.2% daripada KDNK. Dari segi komposisi, portfolio pembiayaan terus tertumpu pada segmen runcit. Pembiayaan kepada sektor isi rumah dan PKS masing-masing mencakupi 55.1% dan 15.2% daripada pembiayaan terkumpul. Sentimen yang kian positif dan tahap penghindaran risiko yang berkurang dalam pasaran PDS domestik pada separuh kedua tahun 2009 menyokong keperluan pembiayaan jangka lebih panjang oleh perniagaan besar. Dari segi agregat, pembiayaan oleh pasaran PDS dan sistem perbankan bertambah sebanyak 8.5% pada akhir tahun 2009 hingga mencakupi 157.5% daripada KDNK.

***Kualiti pembiayaan dan aset pelaburan yang stabil serta peruntukan yang tinggi membolehkan institusi kewangan mengekalkan penampan modal yang kukuh***

Sebagai satu pengajaran penting daripada krisis kewangan Asia, bank-bank Malaysia telah memberi penekanan penting pada usaha mempertingkat infrastruktur dan amalan pengurusan risiko serta proses penilaian risiko kredit. Kos penambahbaikan sedemikian bukannya kecil, namun pelaburan ini telah menghasilkan pulangan yang tinggi terutamanya dalam membolehkan bank-bank menguruskan kejutan luar jangkaan ke atas operasi. Jangkaan awal atas peningkatan tahap delinkuensi isi rumah dan perniagaan berikutan kelembapan ekonomi dalam negeri tidak menjadi kenyataan. Malah, paras pinjaman tak berbayar terus turun, sebahagian besarnya didorong oleh pemulihan dan hapus kira pinjaman yang berterusan. Penurunan ini juga disebabkan oleh pemulihan dalam keadaan ekonomi pada suku keempat tahun 2009, ditambah pula dengan harga harta kediaman yang stabil dan berdaya tahan, dan penampan kewangan terkumpul yang kukuh oleh peminjam, serta amalan pengunderaitan yang diperkukuh dan infrastruktur pengurusan risiko kredit yang bertambah baik.

Pendekatan yang diambil oleh bank-bank untuk berinteraksi lebih awal dengan peminjam dan menyediakan penyelesaian dan nasihat pengurusan hutang, misalnya penyusunan semula dan penjadualan semula obligasi kewangan, membantu membendung tahap delinkuensi baharu yang mungkin meningkat semasa penurunan dalam kitaran perniagaan. Pada masa yang sama, penilaian penyeliaan turut dikendalikan di premis untuk memastikan bank-bank terus menerapkan dasar penstrukturan dan penjadualan semula yang teguh dan berhemat dan bukan sekadar memaparkan bahawa pinjaman tak berbayar adalah "sentiasa baik" (evergreen). Langkah-langkah yang diambil oleh bank-bank, berbeza daripada pendekatan yang diambil semasa krisis kewangan Asia, bukan sahaja mampu mengelakkan kegagalan terlalu awal perniagaan yang berdaya maju tetapi turut memastikan bahawa peminjam ini terus mendapat akses kepada dana yang cukup untuk memastikan perniagaan dapat terus beroperasi. Hasilnya, peningkatan pinjaman baharu yang dikelaskan sebagai pinjaman tak berbayar pada tahun 2009 hanya meningkat sedikit, iaitu sebanyak 5.5% atau RM27.6 bilion. Pinjaman tertunggak bagi tempoh satu bulan hingga kurang daripada tiga bulan hanya bertambah sedikit, iaitu sebanyak 5.5% bagi merangkumi 4.8% daripada pinjaman kasar.

Oleh itu, trend menurun dalam paras NPL dikekalkan hampir sepanjang tahun 2009. NPL kasar sistem perbankan menurun sebanyak 18% kepada RM28.7 bilion pada akhir tahun 2009. Hasilnya, nisbah NPL kasar menurun kepada 3.7% (2008: 4.8%) dengan nisbah bagi perniagaan besar, PKS dan isi rumah masing-

**Rajah 1.48**
**Sistem Perbankan: Jumlah dan Nisbah NPL**




Sumber: Bank Negara Malaysia

masing menurun kepada 4.1%, 5.7% dan 3.1%. Pengukuhan keupayaan kewangan dan keberuntungan bank selama beberapa tahun telah menyumbang kepada tahap peruntukan yang tinggi, seiring dengan pengurusan lembaran imbangan yang aktif melalui penjualan NPL kepada syarikat pengurusan aset dan hapus kira berhemat terhadap pinjaman terjejas pada tahun 2009. Paras NPL kasar, termasuk hapus kira pinjaman sebanyak RM8.8 bilion, masih mencatat penurunan sebanyak 14.5% pada tahun 2009. Dasar peruntukan lebih ketat oleh institusi perbankan, khususnya bagi pinjaman legasi, menyumbang kepada nisbah perlindungan kerugian pinjaman pada paras yang tinggi sebanyak 95.3% pada akhir tahun 2009. Hasilnya, paras NPL bersih menurun sebanyak 12.8% kepada RM13.9 bilion, atau 1.8% daripada jumlah pinjaman bersih (2008: 2.2%) (Rajah 1.48).

**Rajah 1.49**
**Pergerakan Kadar Antara Bank, Kadar Pinjaman Purata dan Kos Dana Purata**




Sumber: Bank Negara Malaysia

**Rajah 1.50**
**Sistem Perbankan: Pergerakan Margin Faedah Kasar dan Bersih**




Sumber: Bank Negara Malaysia

***Keberuntungan sebahagian besarnya terjejas oleh permintaan yang lembap dan tekanan persaingan yang sengit***

Keberuntungan sistem perbankan konvensional dan Islam menghadapi tekanan menurun yang ketara, terutamanya pada separuh pertama tahun 2009, apabila sentimen pasaran yang lemah dan permintaan bagi pembiayaan dan perkhidmatan kewangan kekal lembap pada tempoh tersebut, khususnya daripada sektor perniagaan. Persaingan sengit dalam pasaran pembiayaan, terutamanya dalam segmen runcit, menimbulkan cabaran kepada bank-bank untuk mengekalkan pertumbuhan pendapatan daripada portfolio pembiayaan. Meskipun kesan pengurangan OPR ke atas pendapatan pembiayaan sebahagiannya diimbangi oleh pelarasan dalam kadar deposit, penyederhanaan dalam jumlah pembiayaan mengakibatkan margin faedah kasar menurun kepada 2.52 mata peratusan (2008: 2.64 mata peratusan) (Rajah 1.49 dan Rajah 1.50). Jumlah pembiayaan lebih rendah dan perbelanjaan faedah lebih tinggi mengakibatkan pendapatan faedah bersih yang lebih rendah (-3.9%) bagi bank-bank perdagangan, sejurusnya menyebabkan penurunan dalam keuntungan sebelum cukai (profit before tax, PBT) bank-bank perdagangan buat kali pertama sejak tahun 2001. Prestasi keuntungan tahun 2009 juga terjejas oleh peruntukan jejas nilai tak berulang yang ketara oleh sebuah bank bagi kerugian penilaian terhadap anak syarikatnya di luar negeri. Ini menjejaskan PBT tidak beraudit sistem perbankan yang menurun sebanyak 11.3% kepada RM17 bilion, dengan pulangan ke atas

**Rajah 1.51**
**Sistem Perbankan: Komposisi Pendapatan**




Sumber: Bank Negara Malaysia

ekuiti dan aset purata masing-masing sebanyak 13.9% dan 1.2%. Sekiranya perbelanjaan tidak berulang ini dikecualikan, PBT tidak beraudit sistem perbankan mencatat pertumbuhan sebanyak 3.2% (Rajah 1.51).

Pendapatan pembiayaan bersih bank-bank Islam meningkat dengan ketara sebanyak 43% pada tahun 2009, sebahagiannya didorong oleh manfaat yang diperoleh daripada portfolio pembiayaan kadar tetap yang lebih besar. Meskipun tahap risiko perdagangan teralih bagi bank-bank Islam makin menyederhana berikutan penurunan OPR dan kadar yang ditawarkan terhadap deposit konvensional, aras rizab penyamaan keuntungan (profit equalisation reserves, PER) terus menurun (Rajah 1.52). Penurunan ini mencerminkan strategi bank-bank Islam untuk mengekalkan persaingan pulangan yang ditawarkan kepada penyimpan dengan

**Rajah 1.52**
**Sistem Perbankan: Pergerakan RPK dan Purata Kadar Sebutan Deposit Tetap**




Sumber: Bank Negara Malaysia

mengeluarkan PER agar dapat sedikit sebanyak mengatasi kesan pendapatan lebih rendah yang dijanakan daripada portfolio dagangannya dan peruntukan kehilangan pembiayaan yang lebih tinggi, terutamanya bagi anak-anak syarikat perbankan perkhidmatan Islam, yang baru ditubuhkan. Amalan peruntukan lebih berhemat dalam keadaan ekonomi yang lemah, menyumbang kepada peningkatan sebanyak 17.2% dalam peruntukan kerugian pembiayaan bersih pada tahun 2009. Ini menyebabkan margin pembiayaan bersih sistem perbankan menurun kepada 0.45 mata peratusan (2008: 0.47 mata peratusan).

Pemulihan dalam permintaan bagi pembiayaan pada separuh kedua tahun 2009 telah menambahkan pendapatan berasaskan fi daripada perkhidmatan berkaitan pembiayaan, misalnya pensindiketan pinjaman dan penyediaan kemudahan komitmen dan jaminan. Meskipun keadaan pendanaan dalam pasaran hutang korporat kembali pulih pada tahun 2009, khususnya bagi kertas dengan penarafan yang lebih tinggi, pendapatan daripada perkhidmatan pengunderaitan dan perkhidmatan nasihat korporat masih lembap bagi sebahagian besar tahun 2009 sebelum kembali meningkat pada suku keempat tahun 2009. Pendapatan daripada aktiviti pengurusan portfolio dan brokeraj turut meningkat pada penghujung tahun. Ini menyebabkan jumlah hasil daripada aktiviti berasaskan fi dan komisyen meningkat sebanyak 6.3% kepada RM7.9 bilion.

Lantaran itu, keuntungan operasi kasar (tolak peruntukan dan tidak termasuk peruntukan kejejasan besar tak berulang terhadap pelaburan luar negeri) sistem perbankan kekal hampir tidak berubah sebanyak RM12.3 bilion. Keberuntungan mampan sistem perbankan adalah berpunca daripada keupayaan operasi dan strategi perniagaan yang dipertingkatkan, berikutan krisis kewangan global yang tidak banyak menjejaskan entiti domestik. Meskipun perbelanjaan overhed kekal stabil pada tahun itu, pertumbuhan dalam keuntungan operasi menyederhana lantaran perbelanjaan berkaitan kakitangan yang lebih tinggi, yang meningkat sebanyak 5.3% ekoran persaingan yang lebih hebat untuk menarik dan mengekalkan kumpulan pekerja yang mahir dan berpengalaman dalam industri kewangan. Oleh itu, nisbah kos kepada pendapatan sistem perbankan bertambah kepada 48.4% (2008: 46.4%) dan kos purata kakitangan

bagi setiap pekerja adalah lebih tinggi sebanyak RM86,037 (2008: RM82,624) pada akhir tahun 2009. Meskipun kos adalah lebih tinggi, tahap produktiviti sistem perbankan kekal stabil seperti yang ditunjukkan oleh PBT yang dijanakan oleh setiap pekerja sebanyak RM172,972.

Keadaan luaran yang lebih mencabar tidak banyak menjejaskan prestasi pelaburan kumpulan perbankan domestik di luar negeri. Ini sebahagian besarnya berpunca daripada kesan krisis global yang terhad ke atas ekonomi serantau, dan pemulihan yang lebih cepat daripada jangkaan bagi kebanyakan ekonomi Asia, iaitu tempat bank-bank Malaysia beroperasi. Secara keseluruhannya, operasi luar negeri enam kumpulan perbankan domestik, dengan operasi yang besar dalam ekonomi serantau misalnya Singapura, Indonesia, Hong Kong dan Kemboja, menjanakan pulangan yang menyumbang kira-kira 16.7% kepada jumlah PBT kumpulan.

Turun naik keadaan pasaran kewangan yang lebih ketara pada separuh pertama tahun 2009 turut menjejaskan industri insurans, terutamanya perniagaan hayat dan takaful keluarga. Pulangan pelaburan yang diraih oleh sektor ini terjejas akibat kerugian yang lebih tinggi daripada pelupusan aset dan kerugian modal yang tidak direalisasikan, terutamanya pada separuh pertama tahun 2009. Apabila keadaan pasaran ekuiti kembali pulih pada separuh kedua tahun 2009, industri insurans dan takaful mencatat keuntungan lebih baik yang mengimbangi cabaran akibat pulangan yang lebih rendah daripada portfolio pendapatan tetap. Sila rujuk kepada rencana tentang "Penanggung Insurans Hayat: Strategi dalam Keadaan Kadar Faedah Rendah" untuk butir-butir terperinci tentang tindakan penanggung insurans hayat dan pengendali takaful keluarga dalam menguruskan cabaran berkaitan dengan persekitaran kadar faedah yang rendah.

Jumlah premium bersih bagi industri insurans meningkat sebanyak 8.2%, yang dicapai melalui pertumbuhan dalam premium langsung kasar yang lebih memberangsangkan iaitu 12%, dengan kos operasi yang mampan. Premium perniagaan baharu bagi perniagaan hayat dan takaful keluarga mencatat pertambahan sebanyak 5.4% yang mencecah RM9.9 bilion (2008: RM9.4 bilion) dipacu oleh pertumbuhan dalam produk hayat biasa sebanyak 23.9%. Peningkatan ketara dalam

**Rajah 1.53**
**Premium/Caruman Baharu untuk Perniagaan Insurans Hayat dan Takaful Keluarga**




Sumber: Bank Negara Malaysia

segmen perniagaan tradisional telah mengimbangi permintaan yang rendah bagi produk berkaitan dengan pelaburan (Rajah 1.53). Prestasi FBM KLCI yang menggalakkan, telah menghasilkan pendapatan pelaburan dan keuntungan modal tidak direalisasi yang lebih tinggi, yang menyumbang sebanyak 25.2% daripada jumlah pendapatan industri, bersamaan dengan peningkatan sebanyak 40% dalam lebihan pendapatan ke atas perbelanjaan bagi perniagaan insurans hayat dan takaful keluarga sehingga mencapai RM12.3 bilion pada tahun 2009 (2008: RM8.8 bilion). Didorong oleh pertumbuhan dalam perniagaan kebakaran dan motor, premium langsung kasar bagi perniagaan am (termasuk takaful am) meningkat sebanyak 12% kepada RM12.8 bilion dengan peningkatan menyeluruh dalam permintaan bagi perlindungan am, kecuali perniagaan marin, penerbangan dan transit, serta

**Rajah 1.54**
**Premium/Caruman Langsung Kasar untuk Perniagaan Insurans dan Takaful Am**




Sumber: Bank Negara Malaysia

**Penanggung Insurans Hayat: Strategi-strategi dalam Persekitaran Kadar Faedah yang Rendah**

Perniagaan penanggung insurans hayat dan takaful keluarga yang bersifat jangka panjang memerlukan strategi pelaburan dibuat berdasarkan pandangan jangka panjang. Liabiliti dan obligasi insurans bersifat jangka panjang yang jelas tidak sepadan dengan tempoh pemegangan aset dana insurans yang lebih pendek adalah cabaran yang perlu dihadapi oleh penanggung insurans hayat. Secara khususnya, kadar faedah rendah bagi tempoh yang panjang dalam persekitaran pasaran ekuiti yang lemah dan bearis, akan mempunyai implikasi dalam jangka masa sederhana terhadap prestasi dan pengumpulan modal penanggung insurans hayat (selepas ini rujukan kepada penanggung insurans hayat merangkumi pengendali takaful keluarga). Persekitaran seumpama ini adalah mencabar bagi penanggung insurans dalam menguruskan aset dan liabiliti. Cabaran ini ditambah lagi oleh isu pulangan minimum yang dikehendaki oleh pemegang polisi insurans. Rencana ini mengupas tindak balas penanggung insurans hayat dan pengendali takaful keluarga dalam menguruskan cabaran yang muncul dalam persekitaran kadar faedah rendah yang dialami sepanjang dekad ini, dan dalam menguruskan kehendak pemegang polisi.

**Mengekalkan tahap pulangan melalui strategi pelaburan yang responsif**

Melalui pengimbangan semula portfolio yang aktif, penanggung insurans mempunyai lebih kefleksibelan untuk merombak strategi dan peruntukkan semula aset sebagai respons terhadap perubahan dalam persekitaran pasaran. Proses yang dinamik ini meningkatkan nilai aset dana insurans dan pulangan yang diperoleh daripada portfolio pelaburan, justeru memberikan manfaat kepada pemegang polisi. Walaupun pelaburan dalam sekuriti hutang terus merupakan komponen terbesar portfolio aset disebabkan oleh ciri-ciri obligasi insurans, penanggung insurans hayat telah sentiasa mengimbangkan semula komposisi aset dana sepanjang 10 tahun kebelakangan ini bagi mengekalkan jumlah pulangan daripada pelaburan, dan dengan itu mampu memenuhi kehendak pemegang polisi.

Kadar Dasar Semalaman telah dikekalkan pada tahap 3.5% sejak tahun 1998 bagi menyokong pemulihan dan kemudiannya mengekalkan pertumbuhan ekonomi dalam negeri. Walau bagaimanapun peningkatan dalam pasaran ekuiti dalam tempoh ini telah mengurangkan kesan daripada pulangan pelaburan bon yang rendah. Keadaan pelaburan yang bertambah baik antara tahun 2003 hingga 2007 khususnya telah merangsang kenaikan pasaran ekuiti dalam negeri dan hasil bon turut menunjukkan trend yang menaik. Walau bagaimanapun, keadaan sebaliknya dialami

**Rajah 1**
**Peruntukan Aset Insurans Hayat dari 1997-2009**




Sumber: Bank Negara Malaysia

**Rajah 2**
**Arah Aliran FBM KLCI dan Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia**




Sumber: Bloomberg

semasa peletusan gelembung teknologi pada awal dekad ini dan pada tahun 2008 ekoran krisis ekonomi global, yang telah menyebabkan harga ekuiti dan kadar pulangan bon menurun. Pelaburan dalam ekuiti sepanjang tempoh ini telah dikurangkan manakala peruntukan untuk pelaburan pendapatan tetap telah dinaikkan.

**Rajah 3**
**Contoh Unjuran Aliran Tunai Aset & Liabiliti Insurans Hayat**




Sumber: *Eckler Partners Ltd.*

**Menguruskan durasi yang tidak sepadan melalui strategi produk dan penentuan harga**

Liabiliti insurans yang umumnya bersifat jangka panjang berbanding dengan kumpulan aset-aset dan pelaburan yang boleh diperoleh menimbulkan isu durasi yang tidak sepadan yang negatif. Kesan durasi aset yang tidak sepadan berbanding dengan liabiliti menjadi bertambah buruk apabila kadar faedah adalah rendah kerana nilai liabiliti meningkat lebih banyak daripada nilai dana aset. Kesan kepada penanggung insurans hayat adalah berbeza-beza, dan impak yang lebih besar dialami oleh penanggung insurans yang mempunyai jurang durasi antara aset dengan liabiliti yang lebih besar. Penanggung insurans yang mempunyai komposisi produk insurans hayat tradisional yang lebih tinggi, misalnya produk insurans hayat seumur hidup bertempoh 20 hingga ke 30 tahun, berkemungkinan akan mengalami tekanan yang lebih tinggi dalam pengurusan durasi yang tidak sepadan. Pada akhir Disember 2009, liabiliti insurans penanggung insurans hayat berjumlah sebanyak RM120.3 bilion. Daripada jumlah ini, lebih daripada 70% liabiliti insurans tersebut mempunyai tempoh kematangan melebihi 10 tahun. Manakala dalam portfolio aset, hanya 12% dipegang dalam bentuk sekuriti hutang dengan tempoh matang melebihi 10 tahun. Jurang yang besar dalam durasi aset dan liabiliti, sebahagiannya mencerminkan kekurangan aset jangka panjang dengan pulangan yang memuaskan, yang diburukkan lagi oleh persaingan hebat daripada pelabur keinstitusian lain untuk aset sedemikian. Kesukaran memperoleh aset yang mempunyai profil yang sepadan dengan aliran tunai liabiliti juga mendedahkan penanggung insurans hayat kepada risiko pelaburan semula dalam persekitaran kadar faedah yang menurun dan pasaran sekuriti yang bearis. Semua cabaran ini telah menyerlahkan betapa pentingnya pengurusan yang lebih responsif kepada jurang durasi di kalangan penanggung insurans hayat.

**Rajah 4**
**Agihan Premium Baharu Perniagaan untuk Penanggung Insurans Langsung**




Sumber: Bank Negara Malaysia

Perubahan dalam strategi produk boleh mengubah magnitud durasi yang tidak sepadan dan membolehkan jurang durasi diuruskan dengan lebih baik. Permintaan yang bertambah terhadap produk pengurusan harta yang mempunyai elemen perlindungan dan sifat lebih prihatin masyarakat terhadap isu kesihatan memberikan penanggung insurans kesempatan yang sewajarnya untuk mengimbangi semula strategi produknya.

Dekad ini juga menyaksikan peralihan daripada produk insurans hayat sertaan (yang mana lebihan boleh diagihkan kepada pemegang polisi dalam bentuk bonus yang ditetapkan terlebih dahulu atau bayaran dividen) kepada produk tanpa sertaan. Di samping itu, pengunderaitan produk berkaitan pelaburan

jangka pendek dengan jaminan modal oleh bank atau pihak ketiga yang berlandaskan kepada prestasi pasaran ekuiti yang kukuh dalam tempoh tersebut juga semakin bertambah sejak tahun 1999 dan, baru-baru ini, produk perubatan dan kesihatan turut menunjukkan peningkatan. Walau bagaimanapun, penanggung insurans perlu berusaha menawarkan komposisi produk tradisional dan berkaitan pelaburan yang seimbang dalam portfolio mereka bagi memberi kefleksibelan dalam strategi produk untuk menyesuaikan dengan keadaan ekonomi makro yang berbeza. Hasil tinjauan yang dijalankan ke atas sekumpulan penanggung insurans hayat menunjukkan bahawa perubahan kepada komposisi produk telah menghasilkan campuran produk yang lebih seimbang di mana saiz jurang durasi insurans hayat tanpa sertaan biasa ialah 6.6 tahun sementara jurang durasi insurans hayat sertaan biasa ialah 6.8 tahun.

Pada masa yang sama, perkembangan ini telah merintis jalan kepada peluang perniagaan baharu bagi industri insurans hayat. Strategi perubahan dalam gabungan produk juga telah dilengkapi dengan semakan ke atas struktur penentuan harga agar lebih mencerminkan jangkaan terhadap risiko dan pulangan masa hadapan dengan mengambil kira perubahan struktur, kewangan dan demografi pada masa hadapan.

**Menguruskan kehendak pemegang polisi**

Pulangan dana aset yang lebih rendah daripada yang dijangkakan oleh pemegang polisi, terutamanya bagi insurans hayat sertaan, adalah satu lagi cabaran utama yang dihadapi oleh industri insurans hayat. Walaupun pembayaran bonus atau paras dividen tidak dijamin, menguruskan kehendak pemegang polisi adalah sangat penting. Strategi komunikasi yang dirumuskan dengan sewajarnya dan seimbang menyasarkan pemahaman dan kesedaran lebih baik dalam kalangan pemegang polisi dan ini akan menghindarkan persepsi buruk terhadap kredibiliti dan daya tahan peserta industri penanggung insurans hayat. Pengurusan kehendak pemegang polisi menjadi lebih mencabar bagi polisi sertaan yang diunderait semasa keadaan pasaran kewangan yang sedang meningkat dan pertumbuhan ekonomi yang kukuh. Jumlah pulangan lebih rendah yang dialami dalam tempoh tertentu sepanjang sedekad yang lepas, dan terutamanya pada tahun-tahun kebelakangan ini, telah mengekang kemampuan sebilangan kecil penanggung insurans untuk mengekalkan kadar bonus yang dikehendaki oleh pemegang polisi, yang mengakibatkan pengurangan bayaran bonus. Prihatin terhadap jangkaan ini, Bank telah menetapkan keperluan minimum yang mesti dipatuhi sebelum pemotongan bonus boleh dilakukan. Keperluan ini merangkumi penilaian rapi oleh Aktuari yang dilantik agar pemotongan bonus adalah strategi yang wajar bagi menjamin kestabilan institusi. Di samping itu, risalah pemasaran dan kaedah jualan akan dinilai secara terperinci bagi memastikan institusi tersebut mempunyai asas yang sah dari segi undang-undang untuk melakukan pemotongan bonus, iaitu unjuran bonus tunai yang terkandung dalam ilustrasi sewaktu jualan tidak merupakan obligasi berkontrak pada pihak institusi. Pengurangan bonus juga akan dibuat secara beransur-ansur bagi mengelakkan kemerosotan pulangan yang mendadak dan besar kepada pemegang polisi. Pengurangan pembayaran bonus juga dimaklumkan lebih awal kepada pemegang polisi untuk memberi masa yang cukup kepada pemegang polisi untuk bersedia atau membuat penyelarasan kepada mana-mana polisi yang dimilikinya. Notis awal akan memberi

**Rajah 5**
**Insurans Hayat: Kadar Hasil Pelaburan**




Sumber: Bank Negara Malaysia

peluang kepada pemegang polisi membuat keputusan berdasarkan maklumat yang mencukupi dan membolehkan pemegang polisi memahami kesan pembatalan polisi sebelum tempoh matang sekiranya mereka memilih berbuat demikian.

**Kesimpulan**

Penanggung insurans hayat telah menunjukkan prestasi yang baik dalam mengurus dan bertindak balas terhadap cabaran persekitaran kadar faedah yang rendah. Kemajuan dalam infrastruktur, pengurusan risiko dan kemampuan syarikat insurans hayat menjadi asas kepada usaha membina keupayaan industri bagi menguruskan cabaran dan kejutan yang dihadapi oleh industri. Usaha mengukuhkan lagi fungsi pengurusan risiko dan kapasiti pelaburan industri dengan penekanan khusus bagi pengurusan aset dan liabiliti dijangka akan terus diutamakan. Industri tersebut juga dijangka akan terus berkembang dan terus mampu membuat penyesuaian dan responsif terhadap cabaran perniagaan dan operasi yang dihadapi dalam persekitaran dan kitaran perniagaan yang berbeza. Pada masa hadapan, sambil industri memenuhi keperluan awam, produk insurans seperti endowmen jangka pendek, produk pengurusan pelaburan dan kekayaan serta produk perubatan dan kesihatan dijangka akan terus meningkat, tanpa mengetepikan produk tradisional. Hala tuju ini memberikan dua faedah, iaitu merapatkan jurang durasi dan pada masa yang sama, meningkatkan tahap penembusan insurans di negara ini. Penggunaan instrumen perlindungan nilai seperti instrumen derivatif juga akan menyumbang kepada pengurusan jurang durasi yang lebih baik, sama ada dengan memanjangkan durasi aset tersebut atau memendekkan durasi liabiliti.

Di samping memperkasakan kemampuan pengurusan risiko, jangkaan berhubung dengan kapasiti penanggung insurans untuk mengekang kejutan kewangan akan terus meningkat. Ini termasuk pengurusan lebihan secara berhemat, himpunan penampan kewangan dan ketersediaan mudah tunai secara berhemat bagi memenuhi peningkatan luar jangkaan obligasi yang timbul daripada penyerahan polisi dan pembayaran faedah.

**Rajah 1.55**
**Perniagaan Insurans Am dan Takaful Am: Nisbah Tuntutan**




Sumber: Bank Negara Malaysia

semua risiko kontraktor dan sektor kejuruteraan yang terjejas oleh persekitaran perniagaan (Rajah 1.54). Keuntungan operasi bagi segmen am untuk 2009 meningkat sebanyak 169.5% kepada RM2.2 bilion sebahagian besarnya didorong oleh keuntungan modal yang ketara lebih tinggi berjumlah RM470.9 juta (2008: RM175.1 juta) dan nisbah tuntutan lebih rendah iaitu 60.8% (2008: 62%)(Rajah 1.55).

### *Mudah tunai domestik masih lebih daripada mencukupi*

Sistem kewangan Malaysia sebahagian besarnya tidak terjejas oleh krisis kewangan global dan terlindung daripada tekanan sistemik atas mudah tunai dan pembiayaan. Mudah tunai ringgit dalam sistem kewangan lebih daripada memadai sepanjang proses pembayaran balik hutang global. Pada akhir tahun 2009, sistem perbankan Malaysia mengekalkan penampan mudah tunai yang kukuh, sebanyak 17.9%

**Rajah 1.56**
**Sistem Perbankan: Penampan Mudah Tunai**




Sumber: Bank Negara Malaysia

**Rajah 1.57**
**Sistem Perbankan: Sumber Pendanaan Utama**




Sumber: Bank Negara Malaysia

daripada deposit untuk keperluan mudah tunai yang matang kurang daripada satu bulan (Rajah 1.56). Ini bersamaan dengan unjuran lebihan sebanyak RM162.5 bilion (Jadual 1.4). Kedudukan mudah tunai yang menggalakkan terus menempatkan bank-bank Malaysia sebagai pemberi pinjaman bersih dalam pasaran antara bank domestik, dengan lebihan mudah tunai sebanyak RM174.7 bilion yang ditempatkan dengan Bank Negara Malaysia. Dua faktor menyumbang kepada kedudukan kukuh mudah tunai yang dipaparkan oleh bank-bank Malaysia: (i) pengurusan risiko mudah tunai yang mantap oleh bank-bank, disokong oleh penyeliaan ketat oleh Bank; dan (ii) struktur pendanaan bank-bank yang teguh, sebahagian besarnya berasaskan deposit (Rajah 1.57). Kekukuhan

**Rajah 1.58**
**Komponen Utama Aset Mudah Tunai**




[1] Bon korporat RM dengan taraf AAA/P1/MARC1 ke atas
[2] Instrumen deposit boleh niaga diterbitkan oleh institusi-institusi bertaraf AA/P2/MARC2 ke atas

Sumber: Bank Negara Malaysia

**Jadual 1.4**
**Sistem Perbankan: Unjuran Mudah Tunai pada 31 Disember 2009**

| | Ketakpadanan kumulatif (RM bilion) | | Penampan sebagai % daripada jumlah deposit | |
|---|---|---|---|---|
| | ≤1 minggu[1] | ≤1 bulan | ≤1 minggu[1] | ≤1 bulan |
| Bank perdagangan | 119.1 | 122.8 | 16.2 | 16.7 |
| Bank-bank Islam | 33.9 | 30.9 | 22.2 | 20.2 |
| Bank pelaburan | 9.4 | 8.8 | 45.9 | 43.1 |
| Sistem perbankan | 162.4 | 162.5 | 17.9 | 17.9 |

[1] Tempoh ≤3 hari bagi bank pelaburan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan
Sumber: Bank Negara Malaysia

kedudukan mudah tunai sistem perbankan diperteguh oleh pemegangan aset mudah tunai berkualiti tinggi, iaitu kira-kira 73% daripada aset mudah tunai industri terdiri daripada MGS (Rajah 1.58). Dalam keadaan yang sama, penanggung insurans juga sebahagian besarnya melabur dalam bon korporat bergred pelaburan dan MGS untuk mengurangkan caj risiko yang dikenakan dalam rangka kerja modal berasaskan risiko, dan untuk memastikan ketersediaan penampan mudah tunai berkualiti tinggi yang memadai dalam buku pelaburan (Rajah 1.59). Butir-butir lanjut tentang struktur pendanaan bank dibincangkan dalam rencana bertajuk "Kepelbagaian dan Kestabilan Struktur Pendanaan Sistem Perbankan Malaysia".

Kesan mudah tunai dolar AS yang mengetat di peringkat global pada tahun 2008 menyebabkan bank-bank Malaysia melaraskan dedahan yang didenominasi dalam dolar AS. Ini bertujuan untuk mengurangkan ketakpadanan negatif dalam mudah tunai dolar AS yang berterusan sepanjang tempoh tersebut, yang sebahagian besarnya terdiri daripada peminjaman terus dan swap mata wang asing (Rajah 1.60). Kedudukan singkat dolar AS dalam sistem perbankan yang makin mengurang secara berterusan pada tahun 2009, mengakibatkan kedudukan ketakpadanan negatif yang amat kecil pada akhir tahun. Kebimbangan berkaitan dengan ketakpadanan mudah tunai dolar AS masih terbatas, disokong oleh komitmen dan keupayaan Bank untuk menyediakan mudah tunai dolar AS yang mencukupi, khususnya untuk memudahkan aktiviti berkaitan perdagangan.

Penilaian terhadap kekuatan mudah tunai diperkukuh lagi oleh ujian berterusan berasaskan senario yang diterima pakai sebagai

**Rajah 1.59**
**Komposisi Aset Industri Insurans dan Takaful**




Sumber: Bank Negara Malaysia

**Rajah 1.60**
**Sistem Perbankan: Ketakpadanan Mudah Tunai Dolar Amerika Syarikat**




Sumber: Bank Negara Malaysia

**Kepelbagaian dan Kestabilan Struktur Pendanaan Sistem Perbankan Malaysia**

Kepentingan mengekalkan sumber pendanaan yang stabil dan kedudukan kewangan cair yang kukuh sudah lama diakui di Malaysia. Ini mencerminkan ciri-ciri transformasi yang matang dalam perniagaan perbankan dan peranan pengantaraannya dalam ekonomi, serta pengalaman institusi-institusi perbankan semasa krisis kewangan Asia. Risiko kerana terlampau bergantung pada instrumen pendanaan borong jelas kelihatan semasa kemelut kewangan global. Rangka kerja pengurusan mudah tunai bagi institusi perbankan yang diperkukuh sejak tahun 1998 telah meningkatkan tahap kesedaran mengenai betapa perlunya struktur pendanaan yang pelbagai, proses penilaian yang pandang ke hadapan dan pengurusan yang kukuh bagi keperluan dan ketersediaan mudah tunai jangka pendek hingga jangka pertengahan. Selepas lebih sedekad krisis kewangan melanda pada akhir tahun 1990-an, institusi perbankan Malaysia lebih bersedia dalam menangani ketidakpadanan mudah tunai secara lebih berkesan menerusi infrastruktur dan amalan pengurusan mudah tunai.

Rencana ini mengupas keadaan dan ciri-ciri utama struktur pendanaan yang menyumbang kepada daya tahan keseluruhan sistem perbankan Malaysia sejak beberapa tahun ini.

**Struktur pendanaan berasaskan deposit yang stabil**

Deposit pelanggan merupakan sumber dana terbesar tunggal bagi institusi-institusi perbankan, merangkumi lebih 65% daripada liabiliti sistem perbankan dan 73% daripada jumlah pendanaan. Ini mencerminkan budaya menabung rakyat Malaysia (tabungan swasta dan awam kasar mencakup 31.3% daripada Pendapatan Negara Kasar) dan jangkauan meluas perkhidmatan kewangan kepada masyarakat. Deposit ini, yang mencatatkan pertumbuhan tahunan terkompaun sebanyak 8.5% sedekad lalu, digemblengkan untuk membiayai aktiviti sektor benar dan berterusan menyokong pertumbuhan pinjaman dalam negeri (purata nisbah pinjaman kepada deposit adalah sekitar 87.6% sejak tahun 1997). Komponen deposit terbahagi sama rata antara pendeposit individu dengan pendeposit perniagaan (masing-masing 35.7% dan 37.1% daripada jumlah deposit pada akhir tahun 2009), seterusnya mewujudkan kepelbagaian dan kestabilan terhadap pendanaan depositori merentas jenis institusi perbankan yang berlainan. Di samping itu, deposit tetap mencakupi 62.4% daripada jumlah deposit yang diterima daripada individu dan perniagaan, dan 74% daripada deposit tetap ini mempunyai kematangan melebihi 1 tahun (Rajah 1). Hampir separuh daripada deposit yang disimpan dalam bank-bank Islam merupakan akaun pelaburan am (GIA). Instrumen berteraskan Islam ini agak stabil sifatnya serta mempunyai ciri-ciri yang mirip deposit tetap yang ditawarkan oleh bank konvensional. Meskipun GIA merupakan sejenis produk pelaburan Islam berasaskan perkongsian untung, kerugian daripada pelaburan ini lazimnya ditanggung oleh institusi penerima deposit dan bukannya pemegang pelaburan, yang tidak mempunyai pengaruh terhadap strategi pelaburan dana berkenaan.

Tidak seperti bank pelaburan dalam ekonomi maju yang bergantung pada pendanaan berasaskan pasaran dan pendanaan borong, bank pelaburan di Malaysia mempunyai akses langsung kepada deposit korporat yang besar dengan nilai minimum sebanyak RM500,000 dan dengan itu tertakluk kepada keperluan pengawalseliaan yang sama dengan bank perdagangan. Deposit korporat mencakupi 46.2% daripada jumlah pendanaan bank pelaburan pada bulan Disember 2009. Memandangkan pendeposit korporat lebih sensitif pada kadar pulangan dan secara relatifnya lebih sofistikated dalam menilai risiko rakan niaga, maka simpanan korporat sememangnya mengalami turun naik yang lebih ketara berbanding dengan deposit individu dan akaun urus niaga yang lebih kecil. Walau bagaimanapun, data empirikal menunjukkan bahawa, pada masa lampau, deposit korporat agak stabil dan tidak banyak mengalami turun naik berbanding dengan dana pasaran wang. Kebelakangan ini, jaminan deposit kerajaan sementara yang diwujudkan pada bulan Oktober 2008 telah meredakan lagi keadaan turun naik deposit ini, dan dengan itu memastikan kestabilan pendanaan yang lebih kukuh bagi institusi perbankan.

**Rajah 1**
**Komposisi Deposit Sistem Perbankan dan Profil Kematangan Deposit Tetap Berdasarkan Kelakuan Pendeposit**




Nota: Deposit tetap termasuk Akaun Pelaburan Am dan Akaun Pelaburan Spesifik

Sumber: Bank Negara Malaysia

Di samping itu, kewujudan rangka kerja pengawalseliaan dan dasar dalaman bagi pelaburan luar negara oleh pemastautin memastikan bahawa perpindahan besar deposit borong yang diperoleh daripada syarikat bukan kewangan, kerajaan dan perusahaan sektor awam secara serentak tidak berkemungkinan berlaku. Walaupun keperluan pengawalseliaan telah diliberalkan secara progresif dari masa ke masa, had kehematan atau dalaman masih dikenakan terhadap saiz aset mata wang asing yang dipegang oleh institusi-institusi berdana, seperti syarikat-syarikat insurans. Selain itu, sesetengah institusi berdana ini, seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Kumpulan Wang Persaraan (dana persaraan untuk kakitangan kerajaan) digunakan untuk menggembleng sejumlah besar tabungan isi rumah melalui program tabungan wajib, dan dengan itu menjadikan dana ini kurang mengalami turun naik. Sementara itu, unit perniagaan yang menjalankan aktiviti perdagangan antarabangsa yang terhad boleh memilih untuk memegang aset dalam bentuk mata wang tempatan sahaja bagi mengelak daripada mengalami risiko pertukaran asing.

**Risiko penularan yang terbatas akibat kebergantungan yang kurang terhadap pendanaan antara bank dan pensekuritian**

Institusi perbankan telah mengambil iktibar daripada krisis kewangan Asia dan kini lebih berwaspada dan tidak terlalu bergantung pada pendanaan antara bank dan pendanaan berasaskan pasaran yang lain (termasuklah pensekuritian, penerimaan jurubank, instrumen boleh niaga bagi deposit dan sekuriti hutang yang diterbitkan). Bentuk pendanaan ini merangkumi antara 10-16% daripada jumlah

liabiliti sepanjang dekad yang lalu. Institusi perbankan juga kurang bergantung pada pensekuritian sebagai sumber pendanaan, sebahagiannya disebabkan persekitaran mudah tunai yang lebih daripada mencukupi dan pertumbuhan kukuh tabungan dan deposit. Sebahagian besar pasaran pensekuritian domestik dipacu oleh Cagamas Berhad dalam bentuk pinjaman perumahan yang dibeli daripada institusi kewangan dan pinjaman perumahan kakitangan kerajaan. Kegawatan global baru-baru ini juga menekankan kesan buruk kepada kedudukan pendanaan dan risiko mudah tunai domestik akibat pendedahan kepada rakan niaga. Dalam pasaran domestik, tidak berlaku sebarang kejutan pendanaan yang merebak melalui pasaran wang antara bank. Kadar pasaran wang konvensional dan Islam domestik agak stabil bagi semua tempoh matang sepanjang krisis yang terbaru ini. Ini mencerminkan peminjaman antara bank yang minimum, termasuk repo, yang kekal di bawah 6% daripada jumlah liabiliti sistem perbankan sepanjang sepuluh tahun yang lalu. Kemerosotan mudah tunai dalam pasaran kertas komersial dan, untuk seketika, pasaran bon korporat, berjaya dibendung tanpa meninggalkan kesan limpahan kepada seluruh bahagian sistem kewangan yang lain.

Di samping itu, ujian ketahanan terhadap hubungan dua hala antara bank yang mengambil kira kejutan kredit (andaian mungkir terhadap dedahan kredit antara bank) serta kejutan pendanaan (ketidakmampuan untuk menggantikan pendanaan antara bank daripada institusi mungkir yang kemudiannya mencetuskan jualan aset secara terpaksa) secara serentak, telah memperlihatkan skop penularan antara bank yang terbatas di peringkat domestik. Potensi kesan domino menerusi saluran pendanaan dan kredit adalah minimum dan ujian ketahanan menunjukkan bahawa RWCR bagi institusi perbankan yang berkemungkinan menerima kesan tersebut kekal melebihi tahap minimum walaupun dalam senario yang paling buruk.

**Risiko mudah tunai dan pendanaan mata wang asing adalah terbatas**
Dedahan institusi perbankan Malaysia kepada aset dan liabiliti dalam mata wang asing, yang lebih 70% daripadanya adalah dianggarkan dalam denominasi USD, mengalami trend yang meningkat sejak sedekad lalu, sekalipun mencakupi tidak sampai 15% daripada jumlah aset (termasuk dedahan luar lembaran imbangan dari segi nominal). Dedahan yang rendah ini meminimumkan risiko mudah tunai pendanaan mata wang asing dan potensi impak langsung daripada turun naik nyata kadar pertukaran asing terhadap keadaan kewangan dan keberuntungan. Liabiliti mata wang asing pada dasarnya diuruskan melalui swap mata wang, pasaran antara bank dan deposit mata wang asing. Pengurusan mudah tunai yang dinamik diperlihatkan dengan jelas oleh tindakan pantas institusi perbankan dalam mengecilkan ketidakpadanan mudah tunai mata wang asing yang negatif dalam tempoh pengetatan global terhadap mudah tunai dolar AS pada akhir tahun 2008. Melangkah ke hadapan, keperluan pendanaan bagi bank dalam pelbagai mata wang dijangka tumbuh seiring dengan pengembangan operasi bank domestik di bahagian lain rantau ini dan perkembangan lanjut pasaran pertukaran asing dalam negeri. Menjangkakan trend ini akan berlaku, pengurusan risiko mudah tunai akan dilaksanakan menurut jenis mata wang yang diperlukan sebagai sebahagian daripada penambahbaikan terhadap Rangka Kerja Mudah Tunai. Ini akan menyumbang kepada pengurusan risiko mudah tunai yang lebih kukuh.

**Keadaan kewangan cair yang kukuh dengan pemegangan aset cair yang agak besar**
Institusi perbankan dalam negeri mengekalkan keadaan kewangan cair yang kukuh, yang dari segi agregat, jumlah aset mudah tunai (merangkumi aset mudah tunai Kelas 1 dan Kelas 2[1]) boleh menampung lebih 8% daripada jumlah liabiliti jangka pendek dalam mana-mana bulan tertentu. Aset mudah tunai tidak terhalang ini (mencakupi 11.5% daripada jumlah aset pada akhir tahun 2009) boleh ditukarkan kepada wang tunai dengan mudah dalam notis yang singkat dan pada kos urus

[1] Aset mudah tunai Kelas 1, termasuklah kertas/sekuriti boleh pasar RM yang diterbitkan atau dijamin oleh Kerajaan Persekutuan ataupun Bank Negara Malaysia, bon Cagamas (yang diterbitkan sebelum 4 September 2004), bon dalam denominasi RM yang diterbitkan oleh Bank Pembangunan Pelbagai Hala atau Institusi Kewangan Pelbagai Hala dan Dana Indeks Bon Malaysia ABF. Aset mudah tunai Kelas 2, termasuklah Penerimaan Jurubank bertaraf tertinggi, instrumen deposit boleh niaga, bon korporat RM, sekuriti bersandarkan gadai janji kediaman dan bahagian yang tidak dikeluarkan daripada barisan kredit yang disediakan secara formal.

niaga yang minimum, dan dengan itu memberikan kelegaan sementara daripada potensi tekanan pendanaan. Bank pelaburan umumnya memegang jumlah sekuriti boleh dipasarkan yang lebih besar bagi tujuan operasi pasaran modal, yang jumlah ini mencakupi 26.2% daripada liabiliti jangka pendek pada akhir tahun 2009. Meskipun aset mudah tunai Kelas 2 dan barisan kredit formal diakui sebagai sumber mudah tunai rizab, namun sebahagian besar inventori teras rizab mudah tunai bank masih terdiri daripada aset mudah tunai Kelas 1 yang mencakupi 74% daripada jumlah aset pada akhir tahun 2009. Institusi perbankan mengekalkan purata lebihan mudah tunai yang diunjurkan sebanyak RM128.8 bilion (berdasarkan profil perilaku aliran tunai) sejak tahun 2006 yang memadai untuk menampung pengeluaran tidak dijangka sebanyak 12% daripada jumlah deposit sehingga tempoh satu bulan. Institusi perbankan juga memegang aset mudah tunai dalam denominasi mata wang asing yang sepadan dengan liabiliti pendanaan mata wang asing yang sederhana. Portfolio ini kebanyakannya terdiri daripada sekuriti hutang korporat dan sekuriti kerajaan asing yang bertaraf tinggi, serta mencakupi 7.8% daripada jumlah deposit mata wang asing dan peminjaman antara bank pada akhir tahun 2009. Di samping itu, institusi perbankan boleh menukarkan stok lebihan mudah tunai ringgit yang besar untuk memenuhi kekurangan mudah tunai mata wang asing dalam tempoh-tempoh kesukaran.

Secara ringkasnya, struktur pendanaan yang stabil dan pelbagai bagi sistem perbankan telah menyumbang kepada daya tahannya sejak beberapa tahun yang lalu. Keupayaan sistem perbankan untuk menanggung potensi kejutan mudah tunai turut disokong oleh faktor-faktor pengawalseliaan dan faktor struktur yang menghasilkan insentif yang kukuh bagi bank untuk mengurus risiko mudah tunai secara dinamik dan berkesan. Melangkah ke hadapan, penambahbaikan selanjutnya terhadap keperluan pengawalseliaan bagi pengurusan risiko mudah tunai akan mengambil kira saranan *Basel Committee on Banking Supervision*. Implikasi langsung dan tidak langsung keperluan baharu ini akan dianalisis dengan teliti, dengan pertimbangan wajar diberikan kepada perbezaan-perbezaan yang wujud dari segi dinamik serta ciri-ciri pasaran dan struktur domestik, perilaku pengambilan risiko dan amalan pengurusan risiko mudah tunai institusi perbankan, di samping potensi pelarasan keadaan kewangan dan struktur, yang timbul daripada reformasi sedemikian.

sebahagian daripada pengurusan risiko mudah tunai bank-bank dan penyeliaan risiko mudah tunai Bank. Secara amnya, ujian ini mengambil kira kemungkinan tekanan ke atas kedudukan mudah tunai bank-bank berikutan peristiwa yang meliputi seluruh pasaran dan yang melibatkan sesebuah institusi secara khusus. Risiko potensi penghindaran risiko yang lebih memuncak dan kebimbangan tentang rakan niaga (counterparty), khususnya dalam kalangan peserta pasaran antara bank, adalah terbatas memandangkan sentimen pasaran yang makin positif dan keadaan bank-bank Malaysia yang tidak bergantung pada pendanaan antara bank. Tempoh dua tahun bagi jaminan menyeluruh ke atas deposit oleh Kerajaan memperkukuh lagi kestabilan dalam pergerakan deposit dalam sektor perbankan. Sebagai persediaan terhadap peluputan jaminan menyeluruh ke atas deposit, Kumpulan Kerja Tiga Pihak antara Hong Kong Monetary Authority, Monetary Authority of Singapore dan Bank telah ditubuhkan pada tahun 2009 untuk merumuskan strategi terselaras menjelang tamat tempoh jaminan tersebut. Memandangkan kesalinghubungan rapat antara sistem kewangan di Hong Kong, Singapura dan Malaysia, pendekatan yang diselaras amat penting bagi memastikan kesan minimum ke atas kestabilan sistem kewangan dan kepentingan pihak pendeposit selepas jaminan menyeluruh tersebut ditamatkan.

***Pengurusan dedahan risiko pasaran yang lebih aktif oleh institusi kewangan***

Bank-bank di Malaysia mempergiatkan usaha untuk menguruskan dedahan risiko pasaran memandangkan turun naik keadaan pasaran dan penghindaran risiko yang menular ketika bulan-bulan awal tahun 2009 (Rajah 1.61). Keuntungan dagangan dan pelaburan bersih mencatat pertumbuhan keseluruhan sebanyak 39.7% bagi mencakupi 13% daripada jumlah pendapatan (2008: 9.6%). Meneruskan trend yang berlaku sejak tahun 2008, portfolio dagangan sistem perbankan mengecil sebanyak 23.7% bagi tujuh bulan pertama tahun 2009 sebelum kembali pulih pada tiga bulan terakhir tahun itu selaras dengan kecenderungan menghindar risiko yang semakin reda. Lima bulan terakhir tahun 2009 telah menyaksikan sekuriti dagangan bank-bank meningkat sebanyak 17.5% untuk mencakupi 3.3% daripada aset sistem perbankan (2008: 3.9% daripada jumlah aset). Komposisi sekuriti dagangan diimbangkan ke arah aset penarafan lebih tinggi

**Rajah 1.61**
**Sistem Perbankan: Dedahan Risiko Pasaran**




[1] Jumlah pelaburan dalam saham tersenarai

Sumber: Bank Negara Malaysia

atau 'lebih selamat' sebagai respons kepada keadaan pasaran. Pemegangan kertas kerajaan dan Bank Negara Malaysia mencakupi 49.1% daripada jumlah portfolio dagangan sistem perbankan, yang meningkat 8.1% pada tahun itu. Meskipun pemegangan ekuiti bagi urus niaga proprietari meningkat dua kali ganda pada tahun itu untuk mencakupi kurang 1% daripada jumlah asas modal, pemegangan ini kekal lebih rendah daripada tahap sebelum krisis kewangan global. Portfolio pelaburan turut diselaraskan, meningkat sebanyak 21.9% lantaran penambahan ketara sebanyak 58.9% dalam pemegangan MGS.

Aras kedudukan terbuka bersih agregat (aggregate net open position) mengecil untuk mencakupi 4.6% daripada asas modal (2008: 5.2%) kerana bank-bank mengurangkan saiz dedahan yang didenominasikan dalam mata wang asing disebabkan oleh pengurusan lebih aktif terhadap tahap dedahan yang didenominasi dalam dolar AS. Dedahan risiko kadar faedah sistem perbankan kekal terurus sebanyak 5% daripada asas modal meskipun turun naik dalam pasaran bon berterusan pada bulan-bulan awal tahun 2009 dan disusuli oleh peralihan kepada pertambahan dalam pemegangan sekuriti berpendapatan tetap. Ini sebahagiannya turut disokong oleh penggunaan instrumen derivatif secara berterusan untuk melindung nilai dan mengawal risiko kadar faedah, dengan jumlah nosional terkumpul bagi kontrak ini mencecah RM658.1 bilion pada akhir tahun 2009. Risiko asas (basis risk) bank-bank makin mendatar menjelang separuh

kedua tahun 2009 apabila pergerakan dalam kadar hasil antara MGS dan swap kadar faedah menjadi stabil.

Risiko pasaran merupakan salah satu risiko utama yang ditanggung oleh penanggung insurans dan pengendali takaful, sebahagian besarnya melalui aktiviti pengurusan aset dana. Sebagaimana dengan bank-bank, tahap risiko pasaran bagi syarikat insurans dan pengendali takaful meningkat pada separuh pertama tahun 2009. Sebilangan besar syarikat memperoleh pendapatan yang lebih rendah daripada pelaburan mereka dan menanggung kerugian pelaburan yang lebih besar. Apabila prestasi pasaran kembali pulih, penanggung insurans hayat dan pengendali takaful keluarga meraih keuntungan tidak direalisasi berjumlah RM3.1 bilion. Tahap dedahan kepada ekuiti melonjak apabila FBM KLCI meningkat. Berikutan langkah pengimbangan semula portfolio yang dilaksanakan oleh penanggung insurans, komposisi bon korporat dan ekuiti korporat masing-masing meningkat kepada 38.9% dan 13.1% daripada jumlah aset (2008: 37.3% dan 9.5%). Dedahan yang amat kecil bagi penanggung insurans Malaysia kepada produk kredit berstruktur meredakan kebimbangan tentang kedudukan mudah tunai. Komposisi besar bon korporat bergred pelaburan yang berkualiti tinggi dan MGS menurunkan caj risiko di bawah rangka kerja RBC dan pada masa yang sama memastikan kecukupan penampan mudah tunai.

***Risiko penularan yang terhad terutamanya daripada rakan niaga luar***

Dedahan kepada rakan niaga asing berpunca daripada aset dalam kunci kira-kira dan amaun nosional aset luar kunci kira-kira kekal terbatas, merangkumi kurang daripada 15% daripada jumlah aset sistem perbankan. Ini sebahagiannya menyumbang kepada risiko penularan yang rendah daripada perkembangan buruk sektor luaran ke atas sistem perbankan Malaysia. Kebimbangan sebelum ini tentang risiko rakan niaga bagi bank-bank asing yang diperbadankan di dalam negeri (locally incorporated foreign banks, LIFB) reda pada awal tahun 2009, lantaran dedahan minimum LIFB kepada rakan niaga asing. Ini diperkukuh oleh rangka kerja pengawalseliaan yang memerlukan operasi LIFB diperbadankan di Malaysia dan operasi tersebut mempunyai dana pemegang saham berciri tempatan dan terkhusus. Operasi bank-bank asing di Malaysia juga dikenakan tahap pengawalan dan penyeliaan yang sama ketatnya.

Meskipun kebimbangan tentang hutang daulat di Dubai dan sesetengah negara Eropah tersebar pada tahun 2009, ancaman kepada sistem perbankan dalam negeri kekal rendah. Jumlah dedahan langsung sistem perbankan (terdiri daripada pinjaman dan PDS) kepada negara-negara Timur Tengah adalah kurang 10% daripada asas modal, dengan sebahagian besar dedahan tertumpu di luar kawasan Dubai. Dedahan kepada negara-negara lain yang menghadapi defisit fiskal yang tinggi, termasuk Portugal, Itali, Ireland, Greece dan Sepanyol, hanya merangkumi kurang 5% daripada asas modal. Tahap risiko rakan niaga asing bagi sektor insurans dan takaful adalah terhad disebabkan oleh tahap dedahan yang rendah kepada aset asing, mencakupi kurang 2% daripada jumlah aset. Tahap bendungan bersih (net retention) yang kekal tinggi sebanyak 72.3% bagi perniagaan insurans dan takaful am membolehkan risiko insurans semula rakan niaga dikekalkan pada tahap yang rendah. Sebahagian besar penanggung insurans semula luar pesisir dan asing mempunyai reputasi yang mantap dan penarafan yang kukuh, seterusnya mengurangkan lagi tahap risiko rakan niaga dalam keadaan kewangan yang mencabar ini. Dedahan kepada risiko insurans semula yang diukur oleh jumlah premium yang diinsurans semula meningkat sebanyak 11.1% kepada RM4.2 bilion, mencakupi 27.7% daripada jumlah premium kasar. Saiz dedahan rakan niaga bagi tuntutan insurans semula meningkat kepada 13% daripada dana pemegang saham.

**Prospek kestabilan sistem kewangan dan fokus pemantauan pada tahun 2010**

Keadaan operasi dalam negeri dijangka akan bertambah baik berikutan cabaran dalam ekonomi antarabangsa dan sektor kewangan yang kian reda. Oleh itu risiko kegawatan kepada kestabilan kewangan dalam negeri dijangka akan berpunca dari persekitaran luaran, terutamanya yang berkaitan dengan kemapanan proses pemulihan global yang boleh menjejaskan sentimen dan mewujudkan ketidakpastian. Komitmen dan strategi yang dilaksanakan oleh ekonomi-ekonomi lain dalam menguruskan gangguan ekonomi dalam negeri mempunyai implikasi yang signifikan dalam mengekalkan tahap keyakinan keseluruhan pada peringkat global dan nasional. Namun,

kemapanan pemulihan ekonomi global masih belum dapat dipastikan dalam konteks tekanan terhadap kestabilan kewangan antarabangsa yang berpanjangan. Yang ketara adalah penarikan balik tindakan-tindakan sokongan tidak konvensional yang diambil pada kemuncak krisis global dan penarikan balik sokongan fiskal dalam banyak negara. Langkah-langkah ini merupakan langkah penting dalam memacu keadaan ekonomi global dan kewangan yang kini bertambah baik. Oleh yang demikian, komunikasi yang sewajarnya tentang penarikan balik dasar-dasar, serta pelaksanaan penarikan balik tersebut pada waktu yang tepat, terlaras dan telus adalah penting bagi menjamin kelancaran proses peralihan untuk memelihara keyakinan dan mengurangkan kesan limpahan yang boleh menjejaskan pemulihan pada masa ini. Penyelesaian efektif dan pantas bagi menangani kebimbangan hutang daulat adalah penting untuk mengekalkan kestabilan sistem kewangan antarabangsa, supaya dapat mengelak daripada implikasi secara tidak langsung yang meluas ke atas tahap keyakinan dan pemulihan ekonomi global, lantaran peningkatan kesalinghubungan dan globalisasi, serta implikasinya jika isu-isu tersebut gagal diuruskan.

Tanda-tanda awal pemulihan ekonomi di rantau Asia telah meringankan kebimbangan berkaitan dengan kualiti kredit yang lebih lemah dan peningkatan tahap kemungkiran yang dihadapi oleh sistem perbankan. Meskipun demikian, cabaran yang menyusul dalam mengurus kesan daripada aliran masuk modal yang besar ke rantau Asia secara berterusan, khususnya ke ekonomi-ekonomi sedang pesat membangun, di samping mudah tunai global yang tinggi serta kadar faedah yang rendah di negara-negara maju. Kesan yang perlu dibendung ialah kenaikan harga pasaran kewangan yang tidak mapan serta peningkatan secara spekulatif harga aset dan ketidakseimbangan kewangan. Perniagaan di Malaysia telah mengumpul penampan kewangan dan meningkatkan kecekapan operasi secara progresif. Namun begitu, sebarang kenaikan kos input akan terus memberi tekanan kepada kos pengeluaran. Segmen perniagaan yang selama ini lebih bergantung pada rangsangan fiskal sepanjang tempoh aktiviti ekonomi yang lemah, perlu menilai dan merencanakan semula strategi mengenai keupayaan untuk terus berdaya saing.

Melangkah ke hadapan, liberalisasi secara progresif dalam sektor kewangan Malaysia sejajar dengan keperluan pembiayaan yang lebih canggih untuk ekonomi yang sedang berkembang akan menyumbang kepada pembangunan industri yang berterusan, dan pada masa yang sama, meningkatkan tahap kesalinghubungan. Walaupun sistem kewangan domestik telah meningkatkan kapasiti untuk menangani persaingan yang lebih sengit, institusi kewangan masih memerlukan pengurusan tenaga mahir dan sumber pakar yang lebih mantap dan dinamik. Isu-isu seperti pakej pampasan yang menarik perlu diimbangkan dengan tahap produktiviti yang diperlukan. Dalam merangka strategi perniagaan baharu dan memperoleh segmen pasaran baharu, institusi-institusi perlu menyeimbangkan antara matlamat jangka sederhana untuk meraih pendapatan yang lebih tinggi dengan matlamat jangka panjang untuk mencapai kesinambungan dan keberkesanan yang lebih tinggi dalam peranan pengantaraan kewangan. Inovasi kewangan dan pemasaran produk-produk kewangan yang berterusan, seperti deposit berkait dengan pelaburan dan produk berstruktur juga memerlukan fokus pada amalan dan perilaku institusi kewangan yang lebih tinggi. Institusi-institusi kewangan perlu terus mengekalkan amalan pasaran yang berhemat dan bertanggungjawab dan memainkan peranan yang lebih aktif dalam meningkatkan tahap pengurusan dan pengetahuan kewangan, khususnya mengenai risiko dan pulangan produk tersebut. Institusi kewangan juga seharusnya menerima pakai kaedah komunikasi yang lebih terangkum dan ditambah baik dalam persekitaran keadaan yang cepat berubah.

Pada masa hadapan, sistem kewangan Malaysia dijangka akan terus mempunyai penampan yang mencukupi untuk menahan risiko luaran dan cabaran dalam negeri. Permodalan sistem perbankan dijangka kekal melebihi 10%, di bawah senario yang paling mencabar dan ekstrem dalam ujian ketahanan yang dijalankan atas risiko kredit dan pasaran. Senario ini berdasarkan kemerosotan pertumbuhan ekonomi serantau dan global yang tak terduga dan ekstrem, serta sentimen bearis pasaran kewangan dan keadaan yang sama bandingannya dengan krisis kewangan Asia. Ujian ketahanan yang serupa juga dijalankan terhadap industri insurans dan takaful yang memperlihatkan kelemahan institusi-institusi yang lebih kecil di bawah parameter ujian ketahanan

yang teruk, terutamanya bagi sektor insurans am yang *fragmented*.

## Bank Negara Malaysia terus mengukuhkan pengurusan kehematan makro, kehematan mikro dan fungsi dasar monetari, dengan mengambil kira keperluan untuk memastikan keseimbangan, serta akan meningkatkan penglibatan dan koordinasi yang lebih rapat dengan pengawal selia domestik dan antarabangsa, bagi memastikan tahap kesediaan yang tertinggi untuk memelihara kestabilan sistem kewangan

Bank Negara Malaysia akan terus memastikan kesediaan dalam keupayaan pengawalseliaan serta pengawasan bagi mengesan, memantau dan menilai risiko dan ancaman yang muncul terhadap kestabilan sistem kewangan Malaysia, bagi menjamin tindak balas dasar yang wajar dan tepat pada masanya. Dengan perkembangan landskap kewangan dalam negeri yang kian meningkat, peranan pengantaraan dana juga semakin banyak dilakukan oleh firma-firma bukan bank dan entiti yang tidak berada di bawah bidang kuasa langsung Bank Negara Malaysia. Di dalam negeri, Bank telah meningkatkan keupayaan untuk memperluas liputan pengawasan kestabilan kewangan dan rangka kerja pengawalseliaan, dengan menambahbaik bidang kuasa di dalam Akta Bank Negara Malaysia 2009. Selain itu, Bank Negara Malaysia terus meningkatkan jangkauan aktiviti pengawasan melalui penglibatan yang lebih erat dengan pengawal selia dalam negeri yang lain, bank-bank pusat negara lain, serta pihak berkuasa kewangan dan agensi-agensi penyelia di arena antarabangsa.

Penyelarasan antara agensi pengawalan yang lain menumpu pada usaha pemantauan terhadap kestabilan kewangan dan perkongsian maklumat secara berterusan, kerjasama penyeliaan, penyediaan sokongan mudah tunai, serta strategi pengurusan krisis dan penyelesaian. Yang ketara, Bank Negara Malaysia juga secara aktif menyumbang dan berbincang tentang isu-isu yang berkaitan dengan reformasi pengawalseliaan global dan rangka kerja perakaunan kewangan. Ini termasuk cadangan untuk mempertingkatkan keperluan modal dan mudah tunai oleh *Basel Committee on Banking Supervision* (BCBS) sebagai sebahagian daripada usaha bersama untuk memperkukuh tahap keupayaan risiko bagi institusi-institusi kewangan di seluruh dunia. Walaupun Bank menyedari objektif pengukuhan yang dicadangkan, Bank juga telah membangkitkan kebimbangan terhadap kemungkinan implikasi daripada reformasi pengawalseliaan tersebut terhadap perilaku institusi dan peserta sektor kewangan, yang boleh mengakibatkan pemindahan risiko kepada bentuk-bentuk lain atau segmen-segmen lain dalam sistem kewangan.

Pada tahun 2010, rangka kerja pengawasan dan penyeliaan di Malaysia akan terus memberi fokus kepada bidang-bidang utama berikut:

- Pendekatan kehematan makro akan terus dipertingkatkan untuk membuat penilaian terhadap penyebaran risiko dalam sistem kewangan dan ekonomi, termasuk kesan limpahan daripada ancaman-ancaman sistemik yang mungkin berpunca daripada entiti utama yang tidak dikawal selia secara langsung oleh Bank Negara Malaysia, serta perkembangan di sektor luaran, terutama di rantau Asia, dan arena global;
- Penggunaan dan penghasilan alat-alat pemantauan dan metodologi yang lebih aktif dan cekap, terutama dalam penggunaan analisis senario dan ujian ketahanan pada peringkat institusi secara individu dan sistem, untuk menyokong penilaian risiko dan tindakan penyeliaan, dengan mengambil kira tahap korelasi, perhubungan, dan potensi pengurangan atau penambahan faktor risiko antara peserta industri kewangan;
- Interaksi yang berterusan dengan pihak berkepentingan, termasuk pengawal selia, persatuan perniagaan dan pengguna, pihak berkuasa awam dan badan pengawal lain melalui strategi komunikasi yang berkesan untuk memudahkan pengenalpastian risiko di pelbagai segmen industri dan ekonomi

dengan lebih awal, bagi membolehkan pelaksanaan langkah-langkah untuk mengurus dan mengurangkan risiko tersebut tepat pada waktu dan awal;

- Memastikan peningkatan berterusan dalam amalan pengurusan risiko di institusi kewangan supaya setimpal dengan perubahan dalam kesanggupan mengambil risiko;
- Kerjasama dan penyelarasan serantau dan global yang lebih aktif dan erat melalui perbincangan pelbagai hala dan dua hala yang sedia ada, bagi bidang-bidang seperti pemantauan kewangan, pertukaran maklumat, reformasi pengawalseliaan dan kolej-kolej penyeliaan, serta rangka kerja yang lebih formal untuk pengurusan dan resolusi krisis merentas sempadan.
- Memahami dan menilai impak akibat perubahan dalam persekitaran pengawalseliaan dan perakaunan, termasuk cadangan daripada BCBS, mengenai kedua-dua institusi kewangan dan bukan kewangan, dan ekonomi serantau, serta memastikan bahawa maklumat dan penilaian yang relevan disampaikan kepada industri, pasaran kewangan domestik dan orang ramai.

**Pendekatan Kehematan Makro untuk Pemantauan dan Pengawalseliaan Kewangan di Malaysia**

Penggunaan peraturan kehematan makro bukan perkara baharu di Malaysia. Alat dasar kehematan makro (macroprudential policy instruments, MPI) pada masa lalu digunakan untuk menguruskan lebihan dan ketidakseimbangan dalam sistem kewangan dan dalam pengurusan aliran modal. Pembangunan rangka kerja penyeliaan kehematan makro semakin ketara selepas krisis kewangan Asia yang menimbulkan dua isu asas: (i) keperluan untuk penilaian risiko di peringkat makro sebagai pelengkap kepada penyeliaan di peringkat mikro; dan (ii) keperluan untuk penilaian penyebaran risiko merentas institusi dan merentas sektor.

**Pertimbangan untuk bentuk dan penggunaan MPI**

Di Malaysia, penggunaan MPI secara umumnya bertujuan untuk memelihara daya tahan sistem kewangan dan menangani prokitaran (bersandar pada kitaran kewangan). MPI ini terutamanya bertujuan untuk meningkatkan daya tahan institusi kewangan terhadap kitaran perniagaan yang berubah-ubah dengan menggalakkan peningkatan pada keupayaan pengurusan risiko dan pengumpulan penampan kewangan semasa keadaan ekonomi dalam kedudukan baik (penstabil automatik). Bank Negara Malaysia telah menggunakan MPI untuk menguruskan aliran modal yang menggugat kestabilan, kadar pertumbuhan kredit dan aktiviti pengambilan risiko, misalnya untuk mencegah pengumpulan gelembung harga aset atau ketidakseimbangan lain, atau untuk menggalakkan pembiayaan aktiviti ekonomi semasa kemerosotan sektor-sektor tertentu. Dalam memilih antara pelbagai jenis MPI, Bank memastikan keseimbangan antara pendekatan secara langsung dan disasarkan, berbanding dengan pendekatan secara tidak langsung untuk mempengaruhi bekalan kredit. Sebagai contoh, MPI yang dikenakan pada sebelah aset dalam lembaran imbangan perbankan, seperti kawalan pinjaman atau nisbah pinjaman-kepada-nilai (loan-to-value) mempunyai kesan langsung terhadap strategi pinjaman bank manakala MPI seperti caj modal atas pinjaman kepada segmen dan rakan niaga yang berlainan merupakan pendekatan secara tidak langsung dalam mempengaruhi penawaran kredit.

Penggunaan MPI di Malaysia mengambil kira keseimbangan antara kos kehematan dengan kecekapan, serta melengkapkan dasar-dasar kewangan dan fiskal bagi mencapai keseimbangan yang berkesan dalam mengekalkan kestabilan kewangan dan monetari serta memelihara potensi untuk pertumbuhan ekonomi. Penggunaan MPI untuk mengatasi kebimbangan kehematan makro berkaitan ``dimensi merentas seksyen´´ (cross-sectional dimension) setakat ini hanya terhad kepada keperluan modal dan mudah tunai institusi-institusi kewangan bertujuan mengekalkan daya tahan pada tahap institusi dan seterusnya, pada tahap sistemik. Contohnya ialah keperluan nisbah modal wajaran risiko minimum 8% yang dikenakan ke atas semua bank. Pendekatan seperti ini boleh memberi keputusan yang kurang setara, kerana keperluan ini tidak mengambil kira perbezaan antara tahap kepentingan sistemik institusi tersebut, dan pada hakikatnya, kos yang berkaitan dengan risiko sistemik mungkin ditanggung oleh semua pihak tanpa menyumbang kepada kebaikan umum. Meskipun demikian, Malaysia telah memperkukuh rangka kerja tersebut dengan penggunaan langkah-langkah untuk mengatasi kebimbangan kehematan makro berkaitan ``dimensi waktu´´ (time dimension). Ini dicapai terutamanya melalui penggunaan MPI penentang kitaran untuk mengehadkan kos kesulitan kewangan dalam fasa penguncupan dan mengurangkan pengumpulan risiko semasa fasa pengembangan kitaran kewangan. Dalam dua dekad kebelakangan ini, walaupun pelaksanaan MPI lebih cenderung kepada ``berasaskan budi bicara´´ (discretionary-based), melalui langkah-langkah Bank untuk mengelakkan atau menguruskan risiko terhadap kestabilan sistem kewangan, sebahagian daripada MPI ini telah dikekalkan hingga kini dan diubah suai daripada bentuk awal untuk mengekang pengumpulan risiko sistemik secara berterusan, terutamanya dalam segmen yang lebih rapuh terhadap pengumpulan gelembung harga dan ketidakseimbangan. Pengekalan beberapa ciri MPI ini juga selaras dengan perubahan struktur dan evolusi dalam sektor kewangan dan ekonomi.

**Pengalaman Malaysia dalam pelaksanaan MPI**

Pertumbuhan ekonomi yang kukuh dan aktiviti pasaran saham yang cergas pada awal 1990-an telah mendorong aliran masuk modal besar-besaran ke Malaysia. Mudah tunai yang dicetuskan oleh aliran luaran seperti ini mengakibatkan tekanan yang tinggi pada harga aset kewangan dan harta tanah. Bagi mengurangkan kesan gangguan aliran jangka pendek ini terhadap sektor kewangan dan ekonomi, satu siri langkah kehematan makro telah dilaksanakan sejak tahun 1993. Langkah-langkah tersebut, iaitu pengenaan had atas kedudukan liabiliti luaran bank yang tidak berkaitan dengan perdagangan, larangan urus niaga hadapan (dari segi penawaran) dan swap yang bukan berkaitan perdagangan antara bank perdagangan dengan pelanggan asing, sekatan penjualan instrumen monetari jangka pendek kepada bukan pemastautin, dan had atas pembelian rumah kediaman berharga melebihi RM250,000 bagi bukan pemastautin. Langkah-langkah ini bertujuan untuk mencegah aliran masuk dana jangka pendek dalam jumlah yang besar ke dalam negara dan sekali gus mententeramkan keadaan dalam pasaran kewangan. Langkah-langkah ini adalah berdasarkan keperluan pada masa itu dan hanya bersifat sementara, dan tidak digunakan apabila keadaan kembali ke tahap seperti yang dikehendaki. Pada tahun 1998, pelbagai langkah kawalan pertukaran terpilih dilaksanakan untuk mengurangkan pengantarabangsaan ringgit akibat kegiatan spekulatif yang menawarkan kadar faedah yang tinggi antara 20%-40% bagi deposit ringgit oleh pusat luar pesisir pantai yang menyebabkan aliran keluar dari pasaran dalam negeri dan memberikan kesan ketidakstabilan terhadap pasaran kewangan tempatan.

Antara tahun 1994-96, langkah-langkah kehematan makro seperti had nisbah pinjaman-kepada–nilai untuk pembelian harta kediaman yang tidak diduduki pemilik dan syarat yang lebih ketat ke atas pinjaman bagi pembelian saham diperkenalkan untuk membendung peningkatan kredit yang berlebihan yang telah mengakibatkan kenaikan harga aset. Langkah-langkah ini melengkapkan penggunaan dasar monetari. Peningkatan kadar faedah yang terlalu tinggi pada tempoh terbentuknya gelembong aset akan menjejaskan pelaburan dalam sektor-sektor ekonomi yang produktif. Langkah-langkah kehematan makro dilaksanakan secara berperingkat untuk menangani isu-isu khusus yang dihadapi dan untuk mengelakkan pembetulan dalam pasaran kewangan.

**Rajah 1**
**Penggunaan MPI di Malaysia**




Sumber: Bloomberg, CEIC, Bank Negara Malaysia dan pengiraan dalaman

Seterusnya, keperluan yang lebih ketat diperkenalkan pada bulan April 1997 untuk mengehadkan pinjaman bank bagi membiayai pembelian saham, dan untuk membiayai pelaburan dalam sektor harta benda. Ini merupakan tindak balas terhadap kebimbangan berkaitan pemberian pinjaman bank yang berpotensi membentuk gelembung harga ekuiti dan harta benda[1], dan pada masa yang sama, kesan negatif daripada pembetulan yang mendadak dalam pasaran ini ke atas kestabilan sistem perbankan[2]. Bagi setiap sektor ini, had dikenakan terhadap bentuk dedahan kredit yang berbeza, seperti pinjaman dan pembiayaan, jaminan dan pemilikan sekuriti hutang korporat yang dikeluarkan untuk membiayai kegiatan dalam sektor harta benda dan pasaran ekuiti. Memandangkan had ini disasarkan hanya kepada sektor yang berciri spekulatif, beberapa subsektor tertentu dikecualikan. Ini termasuk pembinaan perumahan kos rendah, projek-projek pembinaan infrastruktur dan kemudahan awam, pembelian dan pembinaan bangunan dan kilang-kilang perindustrian, pembelian rumah kediaman dan harta benda komersial yang diduduki pemilik serta pembelian tanah untuk aktiviti pertanian dan perindustrian. Pada tahun 1995, had juga diperkenalkan untuk membataskan pertumbuhan pesat dalam kredit pengguna, terutama pinjaman untuk pembelian kenderaan penumpang. Pengenaan semula had-had tersebut adalah berdasarkan kejayaan langkah-langkah yang diambil sebelumnya yang berjaya mengurangkan lonjakan kredit sewa beli antara tahun 1990 hingga 1993. Pada tempoh itu, pertumbuhan kredit untuk kenderaan bermotor menjadi sederhana kepada 7.6% pada akhir tahun 1992 berbanding dengan paras tertinggi sebanyak 81% pada bulan Mei 1990.

Berikutan pelaksanaan had-had tersebut, kredit untuk sektor harta benda dan untuk pembelian saham menurun kepada 22% daripada jumlah pinjaman pada akhir tahun 1997, iaitu daripada 39% daripada jumlah pinjaman pada akhir tahun 1996. Pembiayaan untuk pembelian saham hanya meningkat sebanyak RM2.3 bilion pada separuh kedua tahun 1997, berbanding dengan RM12.2 bilion pada separuh pertama tahun 1997. Harga hartanah mendatar dan pertumbuhan tahunan dalam Indeks Harga Rumah Malaysia menjadi sederhana dengan ketara kepada 1.9% pada akhir tahun 1997 (1996: 12.9%). Ini telah mengurangkan tekanan terhadap harga harta benda yang boleh membawa kesan yang lebih buruk kepada ekonomi berikutan krisis kewangan Asia pada tahun 1998. Krisis ini seterusnya telah mengakibatkan penguncupan yang nyata dalam agregat permintaan secara keseluruhan, termasuk untuk kegiatan-kegiatan spekulatif yang menyebabkan penguncupan seterusnya dalam pinjaman bank dan penurunan harga aset kewangan. Had-had tersebut dilaksanakan sebagai sebahagian daripada pakej tindakan awal yang lebih menyeluruh[3] yang bertindak secara bersepadu.

Bank menggunakan budi bicaranya dengan membuat pelarasan yang sewajarnya terhadap had-had tersebut di mana dan bila diperlukan, untuk memastikan kesesuaian dan keberkesanan yang berterusan, di samping mengurangkan potensi kemungkiran dalam membiayai aktiviti ekonomi yang produktif. Sebagai contoh, memandangkan tahap hartanah tidak terjual yang tetap tinggi dalam subsektor tertentu, seperti hartanah mewah dan hartanah komersial, pemberian kredit untuk subsektor ini dilarang untuk sementara waktu pada tahun 1999. Had harga harta kediaman yang dikecualikan daripada had pinjaman dinaikkan kepada RM250,000 (RM150,000 sebelumnya) untuk memenuhi pertumbuhan permintaan terhadap hartanah kos sederhana, sejajar dengan tahap pendapatan dan harga rumah yang lebih tinggi. Pada masa yang sama, tekanan yang berterusan dalam segmen kredit penggunaan mendorong kepada pelarasan ke atas had margin pembiayaan untuk pembelian kenderaan penumpang daripada 75% pada tahun 1995 kepada 70% pada tahun 1997.

---

[1] Pada akhir tahun 1996, sumbangan daripada jumlah pinjaman yang diberikan kepada pasaran harta benda dan saham adalah sebanyak 39%. Harga rumah pada tahun 1996 naik sebanyak 12.9%, manakala harga saham di Papan Utama dan Kedua Bursa Saham Kuala Lumpur masing-masing meningkat sebanyak 24.4% dan 93%.

[2] Pada tahun 1997, pinjaman kepada sektor harta benda dan pinjaman untuk pembelian saham mencatatkan nisbah pinjaman tak berbayar (NPL) yang tinggi, masing-masing pada 6.3% dan 6.5%. Pada tahun 1998, nisbah ini bertambah buruk masing-masing pada 14.2% dan 23.2%.

[3] Sebagai contoh, penerbitan garis panduan untuk institusi perbankan yang memberi pinjaman kepada sektor harta benda

**Pengukuhan yang berterusan dalam rangka kerja kehematan makro di Malaysia**

Rangka kerja kehematan makro di Malaysia telah banyak berubah semenjak beberapa tahun yang lalu dan strategi yang diterima pakai adalah komprehensif, merangkumi pembangunan rangka kerja dan infrastruktur, peningkatan keupayaan, struktur tadbir urus dan komunikasi. Perubahan tersebut bertujuan untuk memastikan bahawa rangka kerja kehematan makro kekal dinamik dan relevan dalam menangani cabaran kini dan akan datang. Baru-baru ini, sebagai produk sampingan daripada krisis kewangan global, perdebatan antarabangsa mengenai penggunaan rejim kehematan makro untuk mengekang kitaran melampau (overshooting), serta untuk menilai, mengurus dan mengurangkan risiko penularan daripada

**Jadual 1**
**Jenis dan penggunaan instrumen dasar kehematan makro di Malaysia**

| | | |
|---|---|---|
| Sebelah aset | Kuantiti | • **Had pinjaman sektoral,** atau **siling pada pertumbuhan kredit** kepada sektor-sektor tertentu (1997: untuk mengekang pinjaman kepada sektor harta benda dan pembelian saham dan dana unit amanah) |
| | | • **Sasaran pertumbuhan kredit** (1998-99: merangsang pemberian pinjaman bank) |
| | | • **Had pelaburan** (bank Islam tertakluk kepada pendedahan maksimum untuk projek-projek pembangunan hartanah dan aktiviti pelaburan hartanah sebanyak 25% daripada modal asas yang layak) |
| | | • **Pinjaman-kepada-nilai (LTV)** atau **had pinjaman-kepada-pendapatan** |
| | | o 1991: Margin maksimum pembiayaan sebanyak 75% untuk pembelian kenderaan bermotor (dihapuskan pada tahun 1993) |
| | | o 1995: LTV Maksimum sebanyak 60% untuk pembelian rumah melebihi RM150,000 dan rumah kedai melebihi RM300,000 (tidak digunakan untuk kegunaan sendiri atau menjalankan perniagaan sendiri) untuk mengekang kegiatan spekulatif |
| | | o 1995: Margin maksimum pembiayaan sebanyak 75% untuk pembelian kereta penumpang (1997: 70%) |
| | | • **Peruntukan kerugian pinjaman atau peraturan penilaian cagaran yang lebih ketat** untuk jenis pinjaman tertentu atau profil berisiko yang tertentu (contohnya NPL yang diwarisi, LTV yang tinggi, dll) |
| | Harga | • **Kawalan atas kadar pinjaman / pembiayaan** |
| | | o Kadar lantai: untuk membendung permintaan kredit atau menangani penetapan harga yang terlalu rendah dalam persaingan yang ketat untuk memperoleh dan mengekalkan bahagian pasaran |
| | | o Kadar siling: untuk mempengaruhi penawaran kredit dengan mengehadkan pemberian pinjaman kepada pelanggan berisiko tinggi |
| Sebelah liabiliti (modal dan hutang) | Kuantiti | • **Keperluan modal** – contohnya: caj modal yang lebih tinggi untuk jenis pinjaman tertentu (mengikut sektor, profil risiko, dll) |
| | | • Di bawah **Asas 2 Basel II,** keperluan modal yang lebih tinggi dan tindakan kawalan lain boleh digunakan sekiranya institusi-institusi perbankan gagal menangani pertumpuan risiko kredit |
| | | • **Keperluan pendanaan** (untuk mengehadkan penggunaan sumber dana yang kurang stabil contohnya had nisbah pinjaman-kepada-simpanan) (loan to deposit) |
| | | • **Keperluan mudah tunai** (1998: untuk meningkatkan dana boleh dipinjam) (loanable funds) |
| | Harga | • **Kadar siling deposit** boleh digunakan untuk mengekang kemampuan institusi-institusi kewangan dalam membiayai pengembangan kredit yang pesat dengan kadar faedah deposit bank perdagangan yang tinggi untuk menarik deposit runcit dan institusi |

entiti dan pasaran yang tidak dikawal selia, telah memberikan pandangan baharu dalam pelaksanaan rangka kerja dasar kehematan makro di Malaysia. Sehubungan dengan itu, Bank memberi penekanan yang ketara untuk memastikan struktur dan proses tadbir urus yang kukuh dalam pelaksanaan rangka kerja tersebut, termasuk hubungan antara fungsi kehematan makro dengan dasar monetari. Bank mengakui kepentingan penyelarasan antara rangka kerja kehematan makro, kehematan mikro dan rangka kerja dasar monetari yang berkesan untuk memudahkan pertimbangan secara holistik dan komprehensif ke atas risiko dan isu-isu yang dikenal pasti, serta perumusan dasar tindak balas yang tepat.

Selain itu, sistem kewangan yang semakin berhubung kait pada peringkat serantau juga menyaksikan penyelarasan dan perkongsian pengetahuan yang lebih besar dalam usaha untuk menguruskan isu-isu kehematan makro dan risiko penularan pada peringkat serantau. Jawatankuasa Kestabilan Kewangan dan Monetari (Monetary and Financial Stability Committee, MFSC) dan Mesyuarat Eksekutif Bank Pusat Asia Timur–Pasifik (Executives' Meeting of East Asia-Pacific, EMEAP) telah meningkatkan tahap kerjasama serantau dalam pertukaran maklumat dan pemantauan bersama ke atas impak krisis global baru-baru ini terhadap ekonomi serantau. Selain itu, Bank juga telah memupuk kerjasama serantau yang lebih erat dalam perumusan strategi keluar melalui pembentukan Kumpulan Kerja Tiga pihak (Tripartite Working Group) dengan Hong Kong Monetary Authority dan Monetary Authority of Singapore untuk merangka strategi yang terselaras untuk menamatkan jaminan penuh ke atas deposit pada akhir tahun 2010.

Keberkesanan fungsi kehematan makro Bank ini diperkukuh dengan kuasa perundangan yang komprehensif dengan penguatkuasaan Akta Bank Negara Malaysia 2009 sejak bulan November 2009. Akta ini meningkatkan keupayaan Bank dalam melakukan pemantauan kehematan makro untuk bertindak awal bagi mencegah risiko terhadap kestabilan kewangan. Yang penting ialah kuasa yang lebih luas untuk melakukan pemantauan dan tindakan penyelesaian atas entiti yang tidak dikawal selia oleh Bank tetapi berkemungkinan besar menimbulkan ancaman terhadap kestabilan kewangan, dan kuasa untuk bekerjasama dengan pihak berkuasa lain dalam negeri dan antarabangsa bagi mencapai pendekatan yang lebih makro terhadap pemeliharaan kestabilan sistem kewangan. Akta ini dan undang-undang lain yang berkaitan dengan pengawalan dan penyeliaan institusi kewangan juga memberikan kuasa dan fleksibiliti kepada Bank untuk memupuk disiplin yang tinggi melalui rangka kerja tadbir urus yang teguh bagi memastikan rejim dasar yang cukup sistematik, telus dan bertanggungjawab.

**Pelaksanaan fungsi kehematan makro di dalam Bank**

Terdapat satu bahagian khusus di dalam Bank yang memikul tanggungjawab melaksanakan mandat kestabilan kewangan, dan fungsi ini dilaksanakan oleh beberapa jabatan. Pada tahun 2006, satu usaha transformasi telah dilakukan untuk memudahkan pendekatan yang lebih bersepadu, holistik dan harmoni dalam melaksanakan pengawalan dan penyeliaan dan sekali gus memperkukuh fungsi memastikan kestabilan kewangan oleh Bank. Transformasi ini telah menghasilkan keputusan yang positif. Orientasi kehematan makro dan amalan pengawasan di dalam Bank semakin dipertingkatkan dengan penubuhan Jabatan Pemantauan dan Pengawasan Kewangan pada akhir tahun 2006. Jabatan ini diamanahkan untuk mengenal pasti secara komprehensif dan bersepadu ancaman-ancaman dan menyelaraskan metodologi penilaian melalui mekanisme secara bersepadu di dalam Bank dan dengan pengawal selia dalam negeri yang lain untuk memudahkan penilaian yang mapan terhadap risiko yang berpunca dari dalam negeri dan luar negeri bagi kestabilan dan fungsi sistem kewangan secara keseluruhan. Sebagai sebahagian daripada rangka kerja pemantauan keseluruhan, jabatan ini juga bekerjasama dengan pengawal selia untuk memastikan bahawa penilaian risiko telah menggabungkan dan menyepadukan kedua-dua perspektif kehematan mikro dan makro.

Penstrukturan semula bahagian kestabilan kewangan di Bank juga dilengkapi dengan pengukuhan tadbir urus dan proses. Bergantung pada sumber dan sifat ancaman atau isu yang bakal muncul, penilaian dasar kehematan makro dan saranan-saranan boleh diterajui oleh mana-mana bahagian daripada 10 jabatan pengawalan dan penyeliaan di bawah bahagian kestabilan kewangan di Bank. Isu-isu tersebut pertama sekali akan dibincangkan antara jabatan di peringkat teknikal, sebelum dilaporkan kepada Jawatankuasa Dasar Kestabilan Kewangan (Financial Stability Policy Committee, FSPC) untuk pertimbangan dan kelulusan yang diperlukan. FSPC dipengerusikan oleh Gabenor, dengan keanggotaan yang terdiri daripada Timbalan-Timbalan Gabenor dan Penolong-Penolong Gabenor tertentu yang terlibat dalam fungsi kestabilan kewangan. Sejajar dengan penguatkuasaan Akta Bank Negara Malaysia 2009, peranan dan tanggungjawab FSPC kini telah diperluas untuk meningkatkan keberkesanan rangka kerja kehematan mikro dan makro yang sedia ada. Secara khusus,

FSPC juga berfungsi sebagai forum untuk membincangkan dan memutuskan dasar kehematan makro untuk menangani risiko terhadap kestabilan sistem kewangan termasuk tindak balas dan tindakan pengawasan mikro dan langkah-langkah penyelesaian. Satu lagi penambahbaikan adalah berkenaan keputusan tentang langkah-langkah pengenaan kehematan makro pada setiap orang/institusi yang tidak dikawal selia oleh Bank. Kuasa Bank yang lebih luas dalam menghadapi risiko yang muncul dari luar lingkungan pengawalan Bank, termasuk kuasa penyelesaian, diawasi oleh Jawatankuasa Eksekutif Kestabilan Kewangan (Financial Stability Executive Committee, FSEC). FSEC dianggotai oleh Gabenor, seorang Timbalan Gabenor dan tiga hingga lima anggota yang dilantik oleh Menteri Kewangan atas syor Lembaga Pengarah Bank. FSPC, sebagai forum membuat keputusan peringkat tertinggi di Bank, juga diamanahkan untuk mengesyorkan kepada FSEC mengenai perkara-perkara yang berkaitan kestabilan kewangan, termasuk pemberian sokongan mudah tunai kepada institusi-institusi yang tidak dikawal selia oleh Bank serta penyelesaian bagi institusi-institusi tersebut.

Pendekatan pemantauan yang pandang ke hadapan ini mengutamakan penghasilan alat-alat kuantitatif yang pandang ke hadapan untuk membantu analisis secara koheren dan bersepadu sebagai sebahagian daripada rangka kerja pemantauan kehematan makro. Pada tahun 2007, Penunjuk Kelemahan Sektor Perbankan dihasilkan untuk mengukur tahap kesulitan sistem perbankan pada satu masa tertentu. Ini diikuti oleh penghasilan skor-Z dan pengubahsuaian model jarak sebelum mungkir pada tahun 2008 untuk menilai dan meramalkan tahap risiko kredit korporat. Usaha berterusan dilakukan untuk menggalakkan penggunaan analisis senario dan ujian ketahanan makro bagi memudahkan penilaian hadapan yang lebih mantap. Ini termasuk penambahbaikan dalam penilaian dinamik hubungan antara bank, potensi laluan penularan dan tahap limpahan mudah tunai dalam sistem perbankan.

Fokus juga diberikan untuk memastikan komunikasi yang berkesan berkenaan isu-isu kestabilan kewangan kepada pelbagai pihak berkepentingan. Kesimpulan daripada analisis kehematan makro Bank dimaklumkan kepada pelbagai pihak berkepentingan, termasuk bank-bank pusat lain, melalui pelbagai saluran. Sejak tahun 2007, Bank telah mula menerbitkan Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran secara tahunan yang memberi maklumat mengenai hasil daripada penilaian risiko kehematan makro dan untuk memaparkan kemunculan sumber-sumber ancaman. Penerbitan ini berupaya meningkatkan kesedaran dan pemahaman yang lebih besar mengenai isu-isu yang berkaitan dengan pemeliharaan kestabilan sistem kewangan secara keseluruhan, dan di mana perlu, untuk menggalakkan penyesuaian dalam perilaku peserta kewangan dan pasaran untuk menguruskan dengan lebih baik pengumpulan risiko sistemik. Laporan tersebut juga mengandungi pelaksanaan langkah-langkah mencegah risiko oleh Bank yang disasarkan untuk memperkuat daya tahan sistem daripada setiap ancaman terhadap kestabilan.